


Jilid III
Bil. 30



Hari Rabu
18hb Januari, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 2701]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:
Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2701]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2701]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan) [Ruangan 2726]

Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 2730]

Rang Undang-undang Odit (Pindaan) [Ruangan 2781]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2744]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- .. DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- .. TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN MOHAMAD (Trengganu).
- .. TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAACOB, P.M.K. (Kelantan).
- .. TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- .. DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- .. DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- .. PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- .. TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- .. DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- .. TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- .. TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- .. TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- .. PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 18hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Yap Peng *alias* Yap Pian Tau.

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yap Peng *alias* Yap Pian Tau yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
LAWATAN MUFTI-MUFTI KE TIMUR
TENGAH

1. Puan Hajjah Tom Soadah binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan lawatan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam Negeri-negeri ke negara-negara Timur Tengah dalam tahun 1977 untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan keluarga yang diamalkan di negara kita:

- (a) apakah keputusan perbincangan itu; dan
- (b) samada lawatan itu dibiayai oleh Majlis Ugama Negeri-negeri masing-masing.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat lawatan tersebut bukanlah lawatan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Majlis Ugama Negeri-negeri, tetapi adalah lawatan Mufti-mufti dari Negeri-negeri Semenanjung dalam rangka merapatkan perhubungan Alim Ulama' kita dengan Alim Ulama' di Negara-negara Islam sesuai dengan perjanjian-perjanjian kebudayaan yang telah ditandatangani dan saya telah memimpin rombongan tersebut.

Di samping itu lawatan tersebut juga bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran mengenai masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh umat Islam khususnya mengenai Hukum-hukum Islam. Di antara masalah semasa itu ialah masalah perancangan keluarga yang sedang diamalkan dalam negara-negara itu, jika ada.

Hasil daripada pembincangan itu, antara lain ialah bahawa masing-masing negara menghadapi masalah perancangan keluarga yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, tidaklah terkeluar dari tiga dasar seperti berikut:

- (a) terlalu ketat;
- (b) sederhana; dan
- (c) terlalu liberal.

Dari perbandingan yang didapati, kita adalah di dalam golongan (b) iaitu "sederhana". Ini bermakna bahawa, kita bukan sahaja "sederhana" dalam hal perancangan ini, malah "sederhana" dalam semua hal yang diperbincangkan seperti masalah "makanan atau perkuburan", pelaksanaan Undang-undang Syariat, pembasmian khurafat atau bida'ah dan sebagainya.

Lawatan itu tidak dibiayai oleh Majlis Ugama mana-mana negeri pun, tetapi diusahakan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi berhubung dengan lawatan tersebut, apakah kesannya kepada Majlis Ugama Islam tiap-tiap negeri dalam negara ini untuk dijadikan pegangan atau ikutan umat Islam dalam tiap-tiap negeri itu.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, lawatan yang dibuat oleh para mufti-mufti ke negara-negara itu kesannya terlalu besar, terutama sekali kepada rancangan-rancangan pembangunan Islam di negara-negara yang dilawati dan juga beberapa masalah masyarakat atau masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat di negara-negara itu dan ulama-ulama serta mufti-mufti kita itu telah berbincang dengan hati yang terbuka dengan ulama-ulama samada di Mekah, di Mesir, di Maghribi, di Turkey dan sebagainya. Mereka ini telah memperkatakan sesuatu yang sangat berfaedah dan dengan rasa terbuka, maka kesan-kesannya itu akan dapat dibawa oleh para mufti ke negeri mereka masing-masing dijadikan sebagai panduan atau sekurang-kurangnya sebagai pengalaman dalam menghadapi hukum-hukum Islam.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar Yang Berhormat Timbalan Menteri membawa mufti-mufti melawat ke negeri Timur Tengah berhubung dengan Perancang Keluarga kerana Perancang Keluarga itu dapat tentangan daripada orang-orang Melayu dan juga daripada orang-orang Islam. Jadi, menggunakan mufti ini sebagai satu alat supaya dapat diterima oleh umum bahawa mufti sendiri sudah pun bersetuju dengan rancangan itu, adakah begitu maksudnya membawa mufti itu ke negeri Timur Tengah?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, rancangan membawa mufti-mufti ini keluar negeri ke negara-negara Islam ialah oleh kerana ada satu soalan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini berkenaan dengan hukum-hukum Islam di mana saya telah memberikan jaminan bahawa lawatan ulama-ulama kita akan dibuat ke negara-negara Islam bagi meninjau beberapa perkembangan-perkembangan baharu. Terbit daripada jawapan inilah maka satu rombongan telah dibawa untuk melawat ke negara-negara Islam, bukan dengan

tujuan untuk mengabui mata mufti-mufti atau sesiapa, dan mereka pergi dengan dada terbuka, dengan rasa yang terbuka dengan tidak terikat sebarang perjanjian, sebarang arahan atau sebarang keadaan yang memaksa mereka berbuat sesuatu. Mereka pergi dengan rasa terbuka dan mereka menghadapi masalah itu dengan rasa terbuka juga dan menghadapi ulama-ulama itu pun dengan cara terbuka dan mereka pulang ke tanah-air pun dengan cara terbuka dan terserahlah kepada mereka sendiri memahami cara orang mengambil hukum dan cara kita mengambil hukum berkenaan dengan Islam.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Kenapakah pihak Jabatan Perdana Menteri tidak mengeluarkan satu kenyataan bersama oleh mufti-mufti hasil daripada lawatan itu, khusus tentang masalah Perancang Keluarga dari segi hukum sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada suatu pernyataan bersama dibuat oleh kerana berkenaan dengan fatua atau hukum yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkaitan dengan hak dan kewajipan Majlis Fatua di dalam negeri ini di bawah Majlis Raja-raja, maka mufti-mufti ini tidak ada mempunyai hak yang tertentu untuk mengeluarkan fatua melainkan dianya itu dirujuk kepada Majlis Fatua di mana dikehendaki oleh Majlis Raja-raja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini hanya sebagaimana yang saya katakan tadi pemergian para ulama ini dengan rasa terbuka untuk meninjau bagaimana perkembangan Perancang Keluarga di negara-negara itu dan dengan demikian kita akan dapat pengalaman pengambilan hukum, pengambilan cara dan sifat-sifat yang dilakukan oleh negara-negara tersebut. Dengan itu kita mempunyai pengalaman untuk mencari hukum kalau Majlis Fatua yang dikehendaki mengeluarkan, maka terserahlah kepada Majlis Raja-raja berbuat demikian, dan tidaklah oleh rombongan mufti-mufti ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu Perancang Keluarga ini dibuat oleh Kerajaan oleh kerana sudah terlampau banyaknya manusia dan ini ada berkaitan dengan iktisad. Dengan sebab itu ramai

manusia hendakkan makan, minum, sekolah, pakaian dan itu dan ini sebab itulah dibuat Perancang Keluarga oleh Kerajaan kita supaya jangan anak banyak sangat rakyat bertambah di negeri ini. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat iaitu betul atau tidak perkara ini tidak ada di dalam ajaran ugama Islam menggalakkan umat Islam berkembang biak, tetapi di satu nafas yang lain menyekat supaya umat Islam berkembang biak. Jadi, adakah dalam Hadith, dalam Quran menyatakan boleh disekat umat manusia lahir.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini sudah terkeluar daripada soalan asal, tetapi supaya dapat kita memahami bahawa Perancang Keluarga bukan bertujuan untuk menyekat kelahiran, tetapi membuat satu rancangan bagaimana keluarga itu mendapat tempat yang sepatutnya bagi dia di dalam sebuah negara yang membangun seperti negara kita ini tetapi terserahlah kepada keluarga itu sendiri memikirkan dan kalau mereka tidak dapat memikirkan cara sendiri ada satu jabatan atau lembaga yang disediakan untuk meminta nasihat apa yang patut dilakukannya.

Ada beberapa masalah-masalah yang timbul daripada kekeluargaan ini, ada masalaahnya masalah darurat, ada masalaahnya masalah tidak darurat. Bagaimana Islam menghadapi masalah darurat, seperti seorang ibu kerap mengandung ada kemudian dinasihatkan oleh seorang doktor kalau dia mengandung lagi pada kali ini mungkin nyawanya hilang dan ini sampai kepada peringkat darurat. Apakah hukum Islam tentang masalah itu. Inilah yang dibincangkan dan difahami oleh ulama-ulama itu kalau sampai kepada masalah darurat. Kalau kepada masalah yang tidak darurat perkara yang harus semata-mata apakah hukumnya bagi seorang yang mengambil rancangan keluarga ini dari sifat-sifat yang tertentu maka Islam mempunyai peranan dan fungsi bagi menentukan soal ini. Adapun Ahli Yang Berhormat bertanya bahawa Islam menyukai supaya umat Islam ini berkembang; benar, Islam menyuruh umat Islam ini berkembang, tetapi dalam satu pihak yang lain Islam bukan hanya berkehendakkan kepada keadaan ataupun jumlah yang besar quantiti tetapi Islam juga berkehendakkan kepada qualiti di

dalam masyarakat itu. Kalau umat Islam tidak memikirkan kepada qualiti di dalam satu masyarakat majmuk seperti masyarakat kita ini, maka qualiti tidak akan mendatangkan satu faedah kepada umat Islam. Apa yang penting kepada umat Islam iaitu quantiti diperlukan, qualiti juga diperlukan bagaimana tidak menimbulkan kesilapan di dalam masyarakatnya, sebab itulah ulama-ulama ini kita bawa keluar negeri untuk meninjau dan memerhati apakah yang patut dibuat dan apa yang tidak patut dilaksanakan mengikut hukum syarak di negeri kita.

HARIRAYA HAJI

2. Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Kementerian ini menetapkan tarikh Hariraya Haji dan meng-apakah pengumuman mengenainya baru-baru ini dibuat sangat lewat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tarikh Hariraya Haji adalah dibuat menurut keputusan mesyuarat Majlis Raja-raja yang ke 109 pada 6hb Oktober, 1977, di mana antara lain mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa Hariraya Haji di seluruh Malaysia ditetapkan sehari kemudian daripada tarikh hari wukuf. Bagi menentukan tarikh wukuf, Kerajaan Malaysia terpaksa menunggu pemberitahuan rasmi daripada Kerajaan Saudi Arabia melalui telegram.

Mengenai pengisytiharan tarikh Hariraya Haji di seluruh Malaysia, Majlis Raja-raja juga telah memutuskan bahawa Penyimpan Mohor Besar Raja-raja hendaklah mengisytiharkan tarikh Hariraya Haji sehari terdahulu daripada hari wukuf. Oleh yang demikian, pengumuman mengenai tarikh Hariraya Haji pada tahun ini oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja yang ke 109 itu, iaitu satu hari sebelum daripada tarikh wukuf.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak membuat soal tambahan. Sekiranya menantikan hari tarikh wukuf iaitu sehari selepas hari wukuf di Arafah maka kadangkalanya bulan ataupun haribulan

mengikuti peredaran bulan kita barangkali terdahulu sehari ataupun terlambat sehari. Kalau tidak silap pendapat saya ataupun perincatan saya, perjalanan bulan yang kita nampak selalunya adalah lambat daripada perjalanan matahari iaitu empat minit dalam satu hari lambatnya perjalanan bulan daripada matahari. Maka dengan itu boleh jadi mengikuti haribulan (lunar calendar) kita terdahulu ataupun terlambat, maka bermakna Hariraya Haji kita boleh jatuh pada 9hb ataupun 11hb jika ada perbezaan garis waktu di antara Tanah Melayu dengan Arafah, adakah begini caranya yang akan datang ini ataupun kita mengikuti iaitu 10hb Zulhijjah biasanya adalah Hariraya Haji di negara ini.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya umumkan walaupun barangkali ada garis lintang itu berbeza empat minit, tetapi sebenarnya kedudukan sekarang ini dunia begitu pantas sekali dan segala perkara yang berlaku dalam dunia samada di New York, di London dan lain-lain dapat kita kesan time itu juga sertamerta. Jadi masalah menentukan supaya penyelarasan ini dibuat kerana Hariraya Haji ini ialah Hariraya Korban yang bertentang dengan semua umat Islam menunaikan fardu Haji di Tanah Suci, maka tarikh Wukuf itulah satu tarikh yang tepat benar untuk mengambil kira. Oleh itu, apabila Kerajaan Saudi Arabia keseluruhan negara mengistiharkan melihat anak bulan bagi menentukan awal bulan Zulhijjah, apabila mereka telah dapat awal bulan Zulhijjah, maka akan dapatlah pada tarikh 9hb Zulhijjah. Oleh itu, 9hb Zulhijjah hari Wukuf dan sehari sebelum Wukuf perkara ini akan dimaklumkan kepada semua negara-negara dan kita di sini akan dapat makluman dua hari sebelum Hariraya Korban di negara kita kerana ini ialah mengenai fatwa. Mengenai fatwa ini tidaklah boleh digunakan secara saintifik ataupun secara pemikiran sahaja tetapi perlu diambil kira daripada ketetapan pandangan Majlis Fatwa para-para ulama yang dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja Melayu. Jadi, fatwa ini keputusannya telah ditentukan kepada Majlis Raja-raja Melayu yang Kesembilan yang menentukan supaya Hariraya Korban di Malaysia ini sehari selepas hari Wukuf dan Majlis Raja-raja apabila mendapat maklumat daripada Kerajaan Saudi mestilah mengistiharkan sehari sebelum hari Wukuf.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas keputusan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan juga usaha Penyimpan Mohor Raja-raja. Soalnya sekarang ialah setiap seorang Islam yang ke Mekah tahu bahawa Wukuf di Mekah dapat diketahui oleh jemaah Haji tidak kurang daripada empat atau lima hari terdahulu sebelum hari Wukuf. Ini boleh ditanya tiap-tiap orang Haji, kalau siapa yang suka tanya dan saya fikir banyak Menteri yang pergi Haji, dalam Dewan ini sendiri pun. Soalnya sekarang ini bukan keputusan Raja-raja, bukan pengistiharan Penyimpan Mohor Raja-raja, mengapa Duta kita di Mekah iaitu di Saudi Arabia tidak mengambil peranan dalam masalah ini yang menjadikan khabar ini lambat diberitahu. Maka bila lambat Hariraya Haji, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan orang bukan Islam, Islam masih belum bersatu. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa Duta kita di Mekah tidak mengambil bahagian dalam masalah ini sedangkan hari Wukuf itu kita tahu empat hari atau lima hari sebelum kita bertolak ke Arafah?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Terima kasih atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu. Duta kita mengambil berat dalam masalah ini tetapi oleh kerana Kerajaan Saudi Arabia mempunyai Majlis-majlis Fatwanya sendiri menerusi Jabatan Penerangan dan juga Kementerian Luar Negeri yang dikirimkan ke mari menerusi saluran-saluran yang tertentu, walaupun Kedutaan kita barangkali mendapat makluman tetapi oleh kerana perjanjian-perjanjian bahawa berita rasmi ini mesti diterima terus daripada punca khusus iaitu punca daripada Kerajaan Saudi Arabia dengan cara Telex atau telegram terus kepada Kementerian Luar Negeri kita dan barulah disampaikan kepada Majlis Raja-raja yang dapat diumumkan oleh Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu. Atas ingatan-ingatan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bolehlah dirujuk kepada Majlis Fatwa buat pertimbangan pada masa-masa yang akan datang.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, adakah betul atau tidak iaitu hari Wukuf di Saudi Arabia itu ialah ditetapkan oleh Raja Saudi Arabia sendiri tanpa mengikuti kira-kira hitung sains atau teknologi atau dengan alasan-alasan yang lain?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sedar pada tahun 1975 waktu di Malaysia orang-orang yang naik Haji hampir 16,000 kerana tahun itu dianggap sebagai tahun Akhbar. Haji Akhbar tetapi menetapkan hari Akhbar atau hari Wukuf adalah Rajanya sendiri iaitu Raja Saudi Arabia? Adakah betul atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini adalah melanggar Peraturan 22 (1) iaitu tidak boleh meminta penerangan berkenaan dengan hal ehwal dalam sebuah negeri luar. Tidak payah dijawab.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Ini soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah dijawab.

KEKURANGAN MINYAK TANAH/ DIESEL

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab terdapat kekurangan minyak tanah dan disel di setengah-setengah tempat dalam negeri kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan minyak tanah dan disel yang terdapat di setengah-setengah tempat di negara kita ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya:

- (a) kelewatan hantaran bekalan di peringkat pembekal dan pemborong yang menyebabkan bekalan yang tidak tetap dan berterusan.
- (b) pembelian yang sentiasa bertambah terutama sekali menjelang musim-musim perayaan dan pada penghujung bulan.
- (c) masaalah-masaalah pengangkutan yang dialami oleh pembekal-pembekal terutama sekali untuk bekalan minyak disel dan minyak tanah ke kawasan-kawasan yang terpencil.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masaalah tersebut ialah:

- (i) mengarahkan syarikat-syarikat minyak menghantar bekalan tambahan dengan serta-merta sekiranya berlaku kekurangan bekalan di sesuatu tempat;

- (ii) mengarahkan pemborong-pemborong dan pengedar-pengedar supaya sentiasa membekalkan bahan-bahan tersebut dengan secukupnya di tempat-tempat dan kawasan-kawasan pengedaran masing-masing dan meminta tambahan-tambahan bekalan daripada syarikat-syarikat sekiranya berlaku kekurangan bekalan;

- (iii) meminta syarikat-syarikat minyak menambahkan jumlah pengedar-pengedar dan pemborong-pemborong yang berkenaan bagi sesuatu kawasan tertentu sekiranya terdapat bukti-bukti dan tanda-tanda yang permintaan di kawasan-kawasan yang terlibat itu telah bertambah; dan

- (iv) menasihati pemborong-pemborong, pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit supaya mengatur dan menentukan setok yang sentiasa mencukupi supaya keperluan barang-barang tersebut dapat dipenuhi dengan tidak terputus-putus.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan mengenai soal kekurangan minyak tanah. Sesungguhnya minyak tanah ini digunakan di desa-desa, digunakan oleh seluruh rakyat kita yang menderita terutama anak-anak yang hendak membaca buku yang tidak ada lampu. Ini bukannya sedikit, keseluruhan desa di tanah-air kita. Saya harap Kementerian ini tidak meringankan hal-hal yang sangat penting dan mustahak bagi menolong penderitaan orang-orang desa di kampung-kampung di negara kita? Selalu berbangkit di kampung-kampung minyak tanah tidak cukup. Diharap Kementerian dalam masa-masa ke hadapan boleh diperakukan dalam Dewan ini tidak berbangkit lagi soal ketiadaan minyak tanah di kampung-kampung dan di desa-desa, bahkan dapat diambil tindakan wajar yang lebih berkesan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian akan dengan sedaya-upayanya mengambil apa-apa juga langkah supaya perkara ini tidak akan berterusan.

Tuan Haji Khalid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kekurangan diesel di petrol kiosk ini disebabkan berlainan harga di antara harga di petrol kiosk dengan harga

minyak yang dijual di kilang. Jadi setengah-setengah pembekal minyak di petrol kiosk telah mengenakan harga yang lebih mahal dan kekurangan supply di petrol kiosk itu sendiri diseludupkan ke tempat lain. Adakah benar atau tidak?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Adalah benar bahawa harga di petrol kiosk dan harga untuk industri itu adalah berlainan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri selalunya itulah dia jawabannya. Tidak ada lain. Misalnya, kesusahan transportnya jauh dan lain-lain. Apa yang saya hendak tahu sekarang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu betul atau tidak minyak diesel daripada petrol kiosk ini komisyennya cuma sedikit iaitu 3 sen sahaja. Kalau petrol lebih, katanya buat apa hendak menjualnya kerana tidak ada untung langsung maka dengan sebab itu mereka tidak hendak beli. Betul atau tidak begitu? Maka dengan sebab itu minyak diesel di petrol kiosk selalu sahaja kering dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini?

Yang kedua, minyak tanah ini selalu sahaja kering bukan kerana transport, bukan kerana apa. Jadi apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini hingga sampai hari ini tidak diketahui oleh orang ramai.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan seperti yang saya terangkan di dalam jawapan saya tadi. Memang betul harga di petrol kiosk adalah lebih murah daripada industri dan memanglah pembekal-pembekal yang diberi oleh syarikat-syarikat minyak itu dikenakan syarat kalau pihak petrol kiosk itu mengambil minyak regular atau premium, mereka mesti juga mengambil minyak diesel.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini berlaku berlanjutan dan bermacam-macam tindakan yang dibuat oleh Kementerian ini memberitahu kepada rakyat tetapi tidak berkesan hatta sampai hari ini juga sungsutan ini berlaku. Adakah Kementerian ini sedar bahawa Kementerian ini dipermain-mainkan oleh saudagar-saudagar minyak dengan motifnya suatu ketika supaya dengan murah hati Kementerian ini akan menaikkan harga

minyak tanah dan diesel. Adakah Kerajaan sedar atas hal ini?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Kerajaan tentu sekali tidak dipermainkan-mainkan oleh syarikat-syarikat minyak ini. Harga minyak tanah itu memanglah murah daripada harga yang sepatutnya jika dibandingkan dengan harga production.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya syarikat-syarikat minyak ini membuat suatu cadangan dapat dinaikkan sedikit harga minyak diesel dan minyak tanah, dapatkah Kerajaan menimbang dengan alasan-alasan yang menasabah supaya keadaan ini tidak berlarutan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kehendak pihak syarikat-syarikat pengeluar minyak ini menaikkan lagi harga minyak. Tetapi pihak Kerajaan telah menahan dan sekarang ini Kerajaan memberi subsidi kepada harga minyak tanah yang dibeli oleh orang ramai.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya, bahawa punca kekurangan minyak gas ini kerana L.L.N. gagal membekalkan letrik ke kampung-kampung. Jadi kalau tidak ada letrik di kampung, masaalah minyak gas tidak timbul. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

PEMULIHAN BEKAS-BEKAS TAHANAN

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apa rancangan yang sedang dijalankan untuk memulihkan orang-orang yang meletakkan senjata (Returnees) dan bekas tahanan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan menyatakan jumlahnya projek ini serta siapa yang membiayai perbelanjaannya; dan
- (b) adakah Malaysia dapat kerjasama yang penuh daripada negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia dalam peristiwa dan penyelidikan dasar-dasar dan tektik dasar-dasar dan teknik

parti Komunis China, dan sejauhmanakah Pemberontakan Komunis telah berjaya mempengaruhi pengganas komunis Malaya ataupun pasukan bawah tanah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada mempunyai sebarang rancangan pemulihan di Semenanjung terhadap bekas-bekas orang tahanan. Kerana kerja pemulihan ini adalah dibuat ataupun dilakukan semasa orang-orang tahanan ini ditahan dan apabila pemulihan itu selesai dan Kerajaan atau Board berpuas hati maka barulah mereka itu dilepaskan. Dan mereka inipun dilepas bukan dengan begitu sahaja, kebanyakannya dilepaskan dengan beberapa syarat termasuk sekatan terhadap.

Tetapi di Sarawak selepas kita mengadakan Gerakan Sri Aman iaitu bukan soal penyerahan, tetapi apa yang dikatakan kejadian atau rancangan mengembalikan mereka ini ke pangkuan masyarakat, maka lebih daripada 500 orang keluar daripada hutan. Kerajaan menubuhkan satu badan atau pertubuhan untuk membantu mereka ataupun membimbing mereka supaya dapat mereka itu dipulihkan untuk masuk kembali kepada masyarakat. Perkara ini dilakukan sewaktu mereka berada di dalam keadaan tahanan juga. Walaupun mereka itu sudah keluar daripada Gerakan Sri Aman maka mereka dilepaskan secara beransur-ansur dan masuk balik ke pangkuan masyarakat.

Di dalam hal bantuan ini, memanglah Kerajaan memberi sedikit sumbangan bukan banyak kerana mereka mengadakan persatuan. Bantuan ini ialah dengan cara membimbing dan persatuan ini digelar "KEBAS", iaitu "Persatuan Kebajikan Am Sarawak", dengan maksud membantu mereka ini mencari pekerjaan dan sebagainya.

Soalan yang kedua, saya kira tidak ada sangkut-paut dengan soalan (a) sungguhpun ada perkataan "dan, adakah Malaysia dapat kerjasama yang penuh". Ini sudah beberapa kali dan bertalu-talu saya memberi jaminan di sini bahawa kita mendapat kerjasama yang paling erat dan paling rapat serta penuh dan memuaskan daripada Kerajaan jiran kita, Indonesia; daripada Kerajaan jiran kita, Thailand dan begitu juga Kerajaan Singapura—sungguh memuaskan. Dan apakah

dilawaskan sebahagian setim yang keluar melalui paip melawas telah juga masuk ke dalam penyucihama yang pertama melalui injap yang terbuka itu mengakibatkan kematian ketiga-tiga pekerja dan penyelia itu bersama.

Berbangkit daripada kemalangan ini Jabatan Kilang dan Jentera telah memberi arahan kepada kilang ini dan kilang-kilang kelapa sawit lain yang mempunyai lebih daripada satu penyucihama, yang menggunakan sistem melawas setim yang serupa ini, untuk mengubahsuaikan supaya tiap-tiap satu penyucihama itu mempunyai paip pelawas yang berasingan, sungguhpun sistem ini mungkin merugikan sedikit kerana setim yang

pemberontakan kominis di tempat lain berjaya mempengaruhi pengganas kominis Malaya? Soal ini adalah sangat subjective. Yang sebenarnya, tentulah ada ilhamnya. Kalau menang kominis di tempat lain, tentulah memberi perangsang kepada kominis tempatan. Tetapi adakan peransang memberi bekas atau tidak, kita sendiri telah menyaksikan bahawa tidak ada kemajuan dari segi kominis di dalam negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa di Sarawak ada satu persatuan yang dinamakan "KEBAS". Sekiranya tahanan-tahanan politik di Semenanjung ini mengadakan Kesatuan yang begini, dapatkah Kementerian ini membuat rancangan atas apa yang telah kita buat di dalam negeri Sarawak itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali biarlah sekali lagi saya minta Ahli Yang Berhormat itu janganlah sebut mengatakan bahawa kita ada tahanan politik. Tahanan politik itu maknanya orang-orang politik dari parti lawan daripada parti Kerajaan yang diancam atau yang ditangkap. Soal yang kita tahan orang ini bukan soal politik, orang ini mengancam keselamatan negara. Tidak ada orang yang ditangkap kerana politiknya sahaja. Jadi saya mintalah supaya jangan kita gunakan perkataan "tahanan politik" di dalam negara kita ini, tidak ada. Itu yang pertama.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie: Saya belum habis jawab, hendak ditambah lagi? (*Ketawa*). Soal mengapakah kita tidak membuat satu rancangan seperti di Sarawak, kita rasa bahawa ianya tidak perlu lagi kerana pemulihan itu dibuat pada waktu mereka di dalam tahanan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya tidak mengatakan kominis itu tahanan politik, apa yang saya hendak tanya iaitu adakah untuk memulihkan pengganas-pengganas kominis yang menyerah diri kalau pemimpin besar seperti di Sarawak itu dia keluar diberi wang \$250,000. Kalau Branch Committee Member (BCM) diberi \$30,000 dan SCM atau State Committee Member diberi \$150,000, Central Committee Member

Dewan Negara pada 9hb November, 1977 bahawa di antara lain, anasir-anasir pengganas kominis khususnya gerombolan Rashid Maidin dan Abu Samah bermastautin di daerah Weng sempadan Malaysia/Thai dan bahawa ada laporan bahawa anasir-anasir yang tidak diinginkan ini datang dari negeri Thai dan masuk ke Kelantan, nyatakan:

(a) dengan tegasnya, samada kenyataan itu benar dengan disokong oleh bukti-bukti yang nyata, dan jika benar, kenapa gerombolan Rashid Maidin dan Abu Samah boleh bermastautin di daerah Weng sempadan Malaysia/Thai sedaneakan kerjasama Malaysia/

(CCM) \$300,000 diberi untuk pemulihan. Adakah dibuat begitu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shane: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat begitu waktu Gerakan Sri Aman dijalankan.

PENEROKA RANCANGAN FELDA

5. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah pihak Kementerian mengetahui bahawa setengah-setengah pemohon yang berjaya memasuki dalam satu-satu rancangan FELDA setelah melapurkan diri telah mendapati tidak ada lagi tempat kosong dan diarah pergi pula ke rancangan yang lain dan di sini juga tidak ada kosong. Mengapa berlakunya demikian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, FELDA sentiasa berusaha untuk menempatkan peneroka-peneroka di rancangan-rancangan dengan seberapa segera yang boleh. Dalam usaha ini calon-calon yang dipanggil masuk ke rancangan itu diberi tempoh yang tertentu atau tempoh yang tetap satu-satu masa untuk melapur diri. Jika mereka dengan

Puan Zawiyah binti Abdullah: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa orang-orang yang terlibat ini sampai hari ini belum lagi dipanggil.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya hendak sedar kerana saya baru enam hari masuk ke Kementerian ini (*Ketawa*). Kalau kata sedar, saya bohong, jadi saya harap Yang Berhormat hantar nama kepada saya, saya akan menguruskan.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, samada Yang Berhormat ini sedar atau tidak kerana beliau baru enam hari sahaja bertukar ke Kementerian ini, tetapi dapatkah membuat penyiarsatan samada betul atau tidak pemohon-pemohon atau calon-calon baru yang berjaya memasuki sesuatu rancangan FELDA ialah calon-calon yang datang daripada golongan satu parti-parti sahaja dan juga kepada orang-orang yang bersimpati kepada parti itu sahaja, jikalau benar, dapatkah Yang Berhormat siasat perkara ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Itupun saya baru masuk Kementerian ini, (*Ketawa*) tetapi saya akan menyiarsat dan saya berdoa kepada Tuhan supaya jangan pula mengikut langkah itu, orang parti UMNO sahaja masuk orang lain

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 7 ini nampaknya mukadimah yang panjang, tetapi intinya iaitu kenapa gerombolan Rashid Maidin dan Abu Samah boleh bermastautin di daerah Weng sempadan Malaysia/Thai. Jadi, soalan ini seolah-olah bertanya macam mana tikus dapat duduk di huma, dia pandai malarikan diri daripada tangkapan.

Atas kerjasama Malaysia dengan Thai ini tadi tidak kurang dan inilah yang diusahakan di dalam beberapa operasi yang kita buat baru-baru ini untuk memecah-belahkan pasukan-pasukan yang berada di daerah Weng di sempadan Malaysia/Thai.

Soal yang kedua, jika lapuran mengatakan anasir yang tidak diingini datangnya dari negeri Thai dan masuk ke Kelantan itu benar maka dari mana punca lapuran itu. Puncanya daripada kita, daripada unsur-unsur kita, daripada punca-punca kita yang bekerja dan bersama juga dengan Kerajaan Thai memberi kerjasama macam mana yang dikatakan daripada jaminan yang diberi tadi bahawa mereka itu bekerja rapat dengan kita dan oleh sebab ada maklumat inilah untuk menghadapi keadaan, maka Rang Undang-undang Dharurat yang dibentangkan baru-baru ini telah dilaksanakan.

SEKOLAH-SEKOLAH BARU

8. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah-sekolah baru yang telah dibina mengikut negeri sejak merdeka.

Menteri Pelajaran (Datuk Seri Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1977 bilangan sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ini termasuk sekolah-sekolah agama dan kalau tidak, berapakah sekolah-sekolah agama.

Datuk Seri Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak termasuk sekolah agama. Dari segi jumlah berapa sekolah agama, saya minta maaf, saya minta notis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru sebentar tadi saya berterima kasih sebab banyak angka itu dibangunkan dalam negeri Johor. Saya cuma hendak bertanya kepada Kementerian ini asas mendirikan bangunan-bangunan ini mana lebih banyak didirikan dalam bandar ataupun luar bandar atau di hujung kampung di sekolah yang di hulu itu. Ini yang saya hendak bertanya dalam masalah bangunan-bangunan sekolah yang didirikan itu.

Datuk Seri Musa Hitam: Saya kurang pasti soalnya. Sila ulang sekali lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam mendirikan sekolah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi atas asas apa didirikan, samada lebih banyak dalam bandar atau di luar bandar—itu lagi senang.

Datuk Seri Musa Hitam: Di luar bandar.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini adakah benar bahawasanya sekolah-sekolah baru yang dibangunkan oleh Kerajaan, terutama sekolah menengah sudah tidak

- (ii) berapa peratuskah pekebun-pekebun kecil di dalam negara ini yang masih memiliki tanah getah yang berumur lebih dari 25 tahun pokok-pokok getah di dalamnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

(i) Perkara tambahan kepada bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil getah sedang dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu adalah sukar bagi saya pada masa ini untuk menyatakan bila atau banyak mana yang akan ditambahkan bagi bantuan tersebut kerana beberapa faktor-faktor hendaklah dikaji sehalus-halusnya, terutamanya mengenai faktor kewangan.

(ii) Tidak ada perangkaan yang tepat mengenai kebun-kebun kecil yang mengandungi pokok-pokok getah lebih dari 25 tahun. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tanah getah tua yang didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebanyak 2.3 juta ekar, lebih kurang 613,000 ekar atau 27% adalah mengandungi getah tua yang kebanyakan umurnya melebihi 20 tahun dan yang masih lagi belum ditanam semula sehingga 15.11.1977. Walau bagaimanapun, Kementerian saya melalui RISDA sedang menjalankan satu kajian yang teliti untuk menentukan jumlah keluasan yang sebenar kebun-kebun yang mengandungi pokok-pokok getah tua itu.

DOKTOR-DOKTOR HOSPITAL BESAR PULAU PINANG

10. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang menambah lagi bilangan doktor di Hospital Besar Pulau Pinang untuk merawat pesakit-pesakit yang bilangannya kian bertambah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telahpun mengujudkan jumlah jawatan doktor-doktor yang dianggarkan mencukupi untuk merawat bilangan pesakit-pesakit yang kian bertambah di Hospital Besar, Pulau Pinang. Dukacitanya jawatan-jawatan tersebut tidak dapat diisikan dengan sepenuhnya pada ketika ini dan pengisian kekosongan ini akan dilaksanakan sebaik sahaja doktor-doktor diperolehi.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Saya difahamkan tiap-tiap hospital oleh kerana pesakit-pesakit sekian banyak, misalnya, di Pulau Pinang out-patientnya lebih kurang 1,000 orang lebih tiap-tiap hari dan pesakit-pesakit yang tetap tinggal di sana sekian-sekian banyak tentu ada satu ratio yang patut diperuntukkan kepada Hospital Pulau Pinang dan berapakah sepatutnya doktor mesti ada di hospital dan berapa yang ada sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu ratio di antara doktor-doktor dan pesakit pada amnya dan di Pulau Pinang pada tahun 1977 ada 119 jawatan doktor-doktor dan untuk tahun ini jawatan itu bertambah sampai 143 jawatan. Apa yang menjadi masalah ini bukan jawatan tetapi orang.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi mengatakan bahawa kita menunggu doktor-doktor yang baru kelulusan. Bolehkah saya mendapat satu jawapan sementara menunggu adanya doktor-doktor daripada negeri ini, adakah Kementerian ini bercadang hendak mengambil doktor-doktor daripada luar dengan secara kontrak bagi sementara waktu sehingga kita mempunyai doktor-doktor sendiri dengan kerana menimbang kepada kedudukan patient yang bertambah-tambah itu tidak mungkin kita menunggu satu masa yang lama. Jadi kalau kita hendak kira ratio daripada situ saya fikir adakah Kementerian ini fikir mustahak kita mengadakan doktor-doktor kontrak untuk memenohi kekosongan yang ada sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kesihatan telah mengambil doktor-doktor secara kontrak dari semasa ke semasa dan baru sahaja saya telah mengarahkan pegawai-pegawai yang berkenaan supaya membuat satu kajian ataupun satu siasatan tentang ramalan manpower, bukan sahaja dalam jawatan-jawatan doktor bahkan semua para-medical personnel juga dan saya harap dengan adanya ramalan (forecasting) seperti ini bolehlah kita mengatasi kekurangan doktor-doktor ini dalam masa yang akan datang.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri seorang doktor masuk bekerja di dalam hospital apabila dia baru sahaja keluar daripada universiti. Apa sebabnya lepas kerja 5 tahun banyak doktor di seluruh Malaysia resign

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal.

PARTI PERSAUDARAAN ISLAM

11. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan: -

- (a) samada beliau sedar bahawa ancaman kominis oleh Parti Kominis Malaya (P.K.M.) dan Parti Persaudaraan Islam (PEPERI) iaitu cawangan Dakyah P.K.M., telah ujud dan bergerak giat sebelum peristiwa “tunjuk kekuatan” berlaku di Kelantan, maka itulah sebabnya diadakan gerakan bersama-sama kedua-dua tentera Malaysia/Thai;
- (b) samada beliau sedar bahawa “tunjuk kekuatan” telah memberi kesempatan kepada kominis mengadakan kacau-bilau di Kelantan dan ini memberi kemenangan moral kepada P.K.M. di samping membolehkan mereka meneloh kelemahan serta mengukur kekuatan pasukan-pasukan kita; dan
- (c) samada benar bahawa dengan menempatkan 4,000 orang polis tambahan di Kelantan yang menjadikan kekuatan pasukan polis kepada angka 5,000 di dalam negeri itu telah mengancam keselamatan negara, dan jika benar, kenapa pasukan polis yang kita banggakan itu sangat lemah untuk menjaga keselamatan yang melibatkan hanya sebuah negeri sahaja sedangkan 12 buah negeri lain boleh terdedah kepada ancaman kominis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 11 ini, yang pertama tadi apakah Kerajaan ini mengambil tindakan bersama dengan Kerajaan Thai sebab adanya Parti Kominis Malaya dan juga Parti Persaudaraan Islam (PEPERI). Benarlah, dengan sebab adanya Parti Kominis Malaya itulah maka kita bekerjasama dengan Thai untuk menghambat dan membasmikan

kominis di sempadan kita dan juga di dalam wilayah Thailand.

Soal yang kedua tadi, samada saya sedar bahawa “untuk kekuatan” telah memberi kesempatan kepada kominis. “Tunjuk kekuatan” ini istilahnya semalam telah cuba diberi tetapi kesimpulannya iaitu perlawanan di antara PAS sama PAS. Kalau kita tidak jaga kominis boleh mengambil kesempatan, sebab itulah dengan cepat, dengan segera, dengan pantas kita mengambil tindakan seperti yang kita telah ambil.

Soal yang ketiga, adakah menempatkan 4,000 orang polis tambahan ini menjadikan 5,000 orang mengancam keselamatan negara, ini tidak benar bahkan polis ini untuk membantu kita menjaga keselamatan negara.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam bahagian (b) walaupun semalam telah dihuraikan tetapi kenapakah di dalam soal tuduhan yang dikatakan perlawanan antara PAS sama PAS maka ini mesti diisytiharkan Perisytiharan Dharurat. Kalau sekiranya perlawanan antara PAS sama PAS ini benar, kenapa dan mengapa tindakan ini mesti diadakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sudah berkali-kali kita berkata sebab adanya kacau-bilau sehingga tidak dapat pentadbiran berjalan, sebab itulah kita adakan Undang-undang Dharurat supaya pentadbiran boleh berjalan, gaji boleh dibayar dan keamanan boleh terjamin.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi yang akhir. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dengan adanya Undang-undang Kuasa-kuasa Dharurat (Kelantan) ini banyak kerjasama yang tidak dapat dilaksanakan di negeri Kelantan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama antara siapa dengan siapa?

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, keadaannya bukanlah begitu seolah-olah maka kominis ini tadi menunggu sahaja untuk menelan Kelantan—tidak, tetapi apa yang telah diambil oleh Kerajaan iaitu satu tindakan supaya jangan

perkara itu melarut sehingga sampai keadaan buruk sehingga boleh kominis mengambil kesempatan.

RANCANGAN-RANCANGAN RTM

12. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa program-program yang disiarkan oleh RTM hanya ditayangkan seminggu sekali misalnya Drama Minggu ini, Hiburan Malam Minggu dan lain-lain lagi. Tidak bolehkah sekiranya program-program seperti drama, lawak jenaka dan hiburan disiarkan pada tiap-tiap hari oleh kerana program ini hanya menelan masa selama 45 minit sahaja. Dengan adanya program ini maka sudah tentu dapat memberikan keselisaan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, bilangan rancangan-rancangan penerbitan tempatan yang disiarkan oleh RTM pada masa ini adalah mengikut kadar kemampuan tenaga RTM menerbitkannya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peraturan penerbitan tempatan apabila dibandingkan dengan penerbitan luar negeri adalah 55% penerbitan tempatan dan 45% penerbitan luar negeri. Peraturan ini adalah tinggi apabila dibandingkan dengan negara-negara yang sama keadaannya di kawasan ini. Walau bagaimanapun, RTM berusaha dari masa ke semasa untuk menambah mutu serta bilangan rancangan-rancangan penerbitan tempatan dari masa ke semasa.

PEKERJA-PEKERJA SWASTA

13. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sungguhpun kita menjalankan dasar Kerajaan untuk memberikan pekerjaan-pekerjaan kepada semua golongan kaum rakyat di negara ini. Tetapi buat pada masa sekarang terdapat kebanyakannya satu golongan kaum pekerja sahaja yang bekerja di dalamnya terutama sekali di firma-firma swasta dan syarikat-syarikat misalnya Emporium, hotel, supermarket dan Bank-bank. Ini tidak menunjukkan sama sekali seperti yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa dengan soalan ini telah dijawab pada 16hb Januari, 1978 di Dewan ini juga ketika saya menjawab kepada Yang Berhormat Senator M. Mahalingam dan tiada apa yang saya hendak tambah kepada jawapan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambungkan semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Januari, 1978)

3.37 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit sahaja saya suka menyambung daripada jawapan yang saya sedang berikan pada petang kelmarin iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyentuh soal yang mengatakan apabila lebih daripada sebuah rumah yang telah dibina di atas sebidang tanah sahaja, bolehkah mendapat pengecualian cukai di atas penjualan semua rumah-rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini pada masa sekarang adalah pendapat Kerajaan bahawa tidak wajar memberikan pengecualian cukai seperti yang dicadangkan itu kerana besar kemungkinan jika cadangan itu dilaksanakan timbullah penyalahgunaan atas sistem itu.

Berkenaan dengan penyusunan semula syarikat-syarikat asing yang juga disentuh oleh beliau, saya suka menyatakan di sini juga semua sekiranya penyusunan semula terhadap syarikat-syarikat asing sebenarnya adalah diproses oleh pihak CIC (Capital Issues Committee) dan kemudian diluluskan olehnya. Oleh yang demikian, di mana dokumen pemindahan tanah terlibat adalah difahamkan bahawa pihak CIC pada lazimnya mengambil kira sebarang tawaran equity kepada warganegara Malaysia sebelum kelulusannya diberi.

Berkenaan dengan cadangan oleh beliau supaya pengecualian cukai diberi kepada pemindahan hakmilik, itu luar daripada lingkungan yang telah ditetapkan dalam Rang Undang-undang ini. Saya suka menyatakan juga pada masa ini Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan kita menganggap tidak dapat memberi pengecualian itu kepada pembayar-pembayar cukai atas kes-kes luar daripada kelas-kelas yang telah ditetapkan itu kerana mengelakkan juga daripada penyalahgunaan.

Berkenaan dengan komentar oleh beliau, berkenaan dengan \$50,000 yang ditetapkan tidak patutlah dipinda lagi, saya suka memberitahu peruntukan ini sebenarnya telahpun diubah oleh Fasal 5 dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan itu.

Apabila saya memberi jawapan pada petang kelmarin, ada satu point yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir yang tidak sempat saya hendak memberi jawapan kerana kesuntukan masa iaitu berkenaan dengan harta pesaka sekiranya dijual dan hasilnya dibahagi-bahagikan kepada anak-anak simati. Pertanyaannya ialah adakah hasil itu dikenakan cukai atau tidak? Jawapannya, mengikut Undang-undang yang ada sekarang—ya, dikenakan cukai, kerana mengikut Fasal 7 Akta itu adalah berbunyi seperti berikut:

“Wasi bagi harta pesaka seseorang yang mati boleh ditaksir dan dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai atas pelupusan oleh wasi itu akan apa-apa aset dari harta pesaka itu yang boleh dikenakan cukai”.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sekianlah sahaja penjelasan saya dan sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberikan sumbangan dalam perbahasan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6—

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini, sungguhpun pada petang semalam Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa Kementerian Kewangan telah mengkaji berkenaan dengan teguran yang saya buat iaitu tidak perlu katanya, kerana kalau bayaran balasan itu selesai di antara wang, maka itu tidak perlu.

Saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri oleh kerana di bawah Fasal 3 yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang ini iaitu pindaan kepada Jadual II, berkaitan dengan syarikat-syarikat yang kita hendak bawa balik ke negara kita. Jadi sudah tentu kalau saya boleh bagi contoh syarikat-syarikat itu telah didaftarkan di negara lain di bawah undang-undang mereka di sana dan kalau masalah beli balik, beli saham dengan duit balasan balik, perkara bayaran cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta ini mungkin tak timbul, tetapi apa yang berlaku dan ini berlaku di dalam company-company yang Kerajaan sendiri suka hendak membawa balik ke tanahair kita kerana di bawah peruntukan yang sama, tidak boleh dikenakan atau diberi kemudahan kepada syarikat-syarikat yang Kerajaan tak sokong kerana dalam Rang Undang-undang ini sendiri ada disebutkan iaitu kemudahan-kemudahan diberi. Saya bacakan di bawah ini:

“3 (1) Dengan syarat bahawa tiada kelulusan boleh diberi sesuatu pemindahan aset dalam sesuatu skim di bawah perenggan-kecil (1) (b) melainkan jika Ketua Pengarah berpuashati bahawa pemindahan aset itu adalah untuk melaksanakan sesuatu skim tersebut yang berkaitan secara langsung dengan sesuatu pemindahan kepunyaan aset dalam Malaysia bagi mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.”

Kita tahu sekarang ini sudah menjadi dasar Kerajaan kita hendak memindahkan kuasa-kuasa syarikat yang sekarang dimiliki oleh

orang asing dan kita tidak membuat dengan secara gopoh-gapah. Apa yang sekarang berlaku biasanya oleh kerana syarikat itu ditubuhkan, katalah di England, kita membuat pertukaran saham pada permulaannya iaitu tuannya saham syarikat di England tadi, diberi saham di dalam syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Ini peringkat pertama dan di sini banyak peringkat.

Peringkat kedua ialah kita hendak, sunguhpun selepas peringkat pertama tadi yang mana syarikat yang di England tadi telah menjadi anak syarikat kepada syarikat Malaysia, maka kita hendak supaya tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat yang didaftarkan di England yang sekarang ini di-control oleh syarikat di Malaysia, kita hendak pindahkan kepada syarikat di Malaysia. Ini ada kaitannya. Jadi bila timbul perkara sedemikian, ada kalanya kita perlu bukan bagi sebahagian dengan wang dan sebahagian dengan saham tetapi mungkin dengan wang seterusnya. Kalau tidak syarikat yang mana tanah-tanah itu dimiliki ialah syarikat yang masih didaftarkan di England sunguhpun di bawah kuasa control syarikat ibunya di Malaysia. Inilah perkara yang rasa saya sudahpun timbul oleh mereka yang ada kaitan dalam perkara ini yang diminta oleh Kerajaan. Itulah sebabnya saya bawa dengan tujuan ikhlas supaya Kerajaan mungkin timbangkan. Kalau apa yang saya syorkan di sini masih juga tidak betul dan Kerajaan rasa sudah ada kesempurnaan bagi kesemuanya, ini tidak menjadi masalah. Tetapi sebaliknya jika didapati bahawa keadaan di sini ada kelonggaran, ada perkara-perkara yang tak boleh menyempurnakan, maka patutlah Kerajaan pinda kepada Rang Undang-undang ini dan bawa satu pindaan pada masa akan datang.

Itulah sahaja pandangan saya, lagi sekali saya menyokong pindaan ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Senator Kamarul Ariffin yang telah membangkitkan kekhawatiran mereka itu dengan begitu jelas dan saya ingin memberitahu saya faham akan kekhawatiran itu dan kekhawatiran itu akan dicatit dan dikaji dengan seberapa teliti yang boleh.

Satu sahaja saya hendak menjaminkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu memang adalah hasrat Kerajaan membuat pindaan

kepada sesuatu Rang Undang-undang mengikut kehendak-kehendak pembangunan negara kita termasuk kaum-kaum yang menjalankan perniagaan syarikat-syarikat yang terlibat, malahan juga Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pun telah beberapa kali menyatakan bahawa budget kita tiap-tiap tahun adalah satu dokumen yang hidup dan bukan satu dokumen yang mati, bila-bila juga di sepanjang tahun kita boleh meminda mengikut kehendak orang ramai dan kepentingan negara kita pada keseluruhannya. Dan apabila kekuatiran ini dapat dikaji dengan teliti, jika dianggap perlu, Menteri Kewangan sangguplah membawa lagi satu Rang Undang-undang supaya Akta ibu itu dapat dipinda lagi.

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Insuran (Pindaan), 1977 dibacakan kali yang kedua.

Dari pengalaman yang dialami dalam menadbir dan melaksanakan Akta Insuran, 1963 dan perkembangan-perkembangan yang telah berlaku dalam industri insuran maka didapati perlu untuk meminda Akta Insuran selanjutnya seperti yang ada dalam Rang Undang-undang. Pindaan ini bertujuan, antara lain, untuk memperbaiki kehendak-kehendak "solvency" yang lebih ketat, melindungi kepentingan pemegang polisi dalam urusan mereka dengan penginsuran, ejen, broker dan lain-lain dan memajukan pertumbuhan industri insuran yang sihat dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan lanjut saya ingin berucap mengenai fasal-fasal utama kepada Rang Undang-undang.

Dengan tertubuhnya Malaysian Export Credit Insurance (M.E.C.I.) Bhd., dan untuk memberikan fleksibiliti yang perlu kepada syarikat ini, fasal 2 kepada Rang Undang-undang mengecualikan syarikat ini daripada peruntukan Akta Insuran, 1963.

Fasal 3 kepada Rang Undang-undang menghendaki penginsuran-penginsuran am menyenggarakan marjin "solvency" yang lebih tinggi hingga kepada 15% daripada pendapatan premium diurusniaga bagi tahun kewangan sebelumnya atau \$1 juta, mengikut mana yang lebih tinggi. Adalah difikirkan "pragmatic" untuk menghendaki penginsuran-penginsuran am menyenggara marjin "solvency" berdasarkan kepada jumlah premium diurusniaga seperti diamalkan di kebanyakan negara-negara maju.

Pindaan telah dicadangkan dalam, Fasal 3 juga mewajibkan semua penginsuran am dan penanggung-penanggung Lloyd menjadi ahli kepada satu persatuan sahaja dan tidak kepada dua persatuan penginsuran seperti yang ada sekarang. Semua penanggung Lloyd dan beberapa buah syarikat insuran sekarang ini tidak menjadi ahli iaitu ahli kepada Persatuan Insuran Malaysia (MIA) dan oleh itu mereka tidak terikat untuk mematuhi tarif-tarif peraturan-peraturan persatuan. Ini menimbulkan keadaan yang tidak sihat dalam pasaran insuran dan tidak untuk kepentingan industri insuran dan pemegang-pemegang polisi. Adanya Persatuan tunggal yang akan diluluskan oleh Menteri Kewangan, bererti pengawalan terhadap industri akan dimudahkan lagi.

Untuk menentukan supaya Menteri mempunyai kata pemutus samada satu-satu permohonan mendaftar penginsuran diluluskan atau tidak, Ketua Pengarah Insuran akan dikehendaki merujuk semua permohonan seperti itu kepada pihak Menteri, seperti dikehendaki oleh Fasal 4.

Fasal 7 menghendaki penginsuran-penginsuran menambah pemegang sekuriti Kerajaan Persekutuan daripada 20% kepada 25% dengan cara menambahkannya sebanyak 1% tiap-tiap tahun mulai tahun berakhir 31hb Disember, 1978. Ini akan memberikan Kerajaan lebih banyak punca kewangan untuk tujuan pembangunan dan juga memberikan penginsuran-penginsuran saluran pelaburan yang selamat dan pulangan yang terjamin.

Fasal 8 mengenakan sekatan-sekatan terhadap pendahuluan atau pinjaman yang dibenarkan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan syarikat-syarikat insuran sendiri, pengarah-pengarah dan juga pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan (related company). Biasanya pelaburan-pelaburan seperti ini tidak dibuat untuk

kepentingan utama penginsuran. Walau bagaimanapun, pinjaman boleh diberikan dengan kelulusan Ketua Pengarah sekiranya ia berpuashati, antara lain, bahawa pinjaman itu bercagar sepenuhnya. Fasal 8 tidak membenarkan penginsuran-penginsuran mengadai atau mencagarkan aset-aset atau sekuriti-sekuriti mereka kecuali dengan keizinan Ketua Pengarah.

Penginsuran-penginsuran yang sedang di dalam penyiasatan atau yang mana urusan-urusan perniagaan mereka dijalankan dengan cara yang membahaya kepada kepentingan pemegang polisi, dikehendaki menyimpan kesemua hak milik ke atas aset-aset mereka dengan Ketua Pengarah atau dengan seseorang yang dibenarkan olehnya. Hak milik aset penginsuran-penginsuran yang berkenaan akan hanya dikeluarkan dengan kebenaran Ketua Pengarah. Pindaan ini akan menghalang penginsuran-penginsuran yang mengalami kerumitan dari segi kewangan untuk mencairkan pelaburan mereka tanpa mengirakan tanggungjawab mereka kepada pemegang polisi dan orang-orang lain di masa akan datang.

Dalam pindaan ini juga, mulai tahun ini syarikat-syarikat insuran am akan membayar 'levy' di bawah skim jaminan kumpulan wang insuran berdasarkan 'written premium' (iaitu kadar bersih jumlah insuran semula) dan bukan berdasarkan 'gross premium' dan penginsuran-penginsuran dibenarkan membayar 'levy' ini secara ansuran.

Untuk menguatkan 'liquidity position', atau kedudukan kecairan penginsuran am adalah perlu untuk membuat undang-undang 'cash before cover' yang menghendaki penginsuran mengeluarkan polisi dengan pembayaran premium terlebih dahulu. Ini ialah kerana syarikat-syarikat insuran telah mengalami kesulitan-kesulitan kewangan disebabkan antara lain oleh tindakan ejen, broker dan pemegang polisi yang banyak melengah-lengahkan, kalau tidak pun tidak membayar langsung premium yang dipungut daripada pelanggan kepada penginsuran yang berkenaan. Dengan adanya pindaan ini yang akan dikuatkuasakan, penginsuran-penginsuran akan memperoleh lebih banyak lagi wang tunai untuk tujuan-tujuan pelaburan dan pembayaran tuntutan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara kepentingan pemegang-pemegang polisi, terutamanya sekali mereka yang telah membayar premium

kepada ejen dan broker, fasal 27 akan memastikan bahawa sekiranya sebarang kenyataan dibuat oleh ejen kepada pencadang polisi bahawa premium telah diterima oleh penginsuran, kenyataan ini akan dianggap seperti kenyataan-kenyataan penginsuran dan penginsuran tidak akan dapat mengelak daripada tanggungan tersebut.

Fasal 12 akan melindungi pemegang-pemegang polisi insuran nyawa kerana dengan adanya peruntukan ini penginsuran tidak boleh mengelak daripada tanggungan polisi sekiranya penginsuran itu menjumpai kesilapan atau 'inconsistency' dalam borang cadangan selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh pengeluaran polisi kecuali di mana penipuan dapat dibuktikan.

Fasal 13 menjadikan kesalahan bagi sesiapa yang mengelirukan orang lain supaya memasuki sesuatu kontrak insuran dengan menggunakan penerangan yang palsu atau yang menipu. Peruntukan ini akan memastikan ejen-ejen supaya lebih cermat dan waspada di dalam urusan-urusan mereka dengan bakal-bakal pemegang polisi dan penginsuran-penginsuran pula akan menjual insuran dengan secara lebih jujur.

Untuk memastikan bahawa hanya orang-orang yang layak sahaja dilantik menjadi pengarah dan ketua eksekutif, fasal 14 menghendaki penginsuran-penginsuran mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah di atas perlantikan-perlantikan ini.

Fasal 18 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah melantik juruodit atau aktuari bebas yang berkelayakan dan berpengalaman untuk menyasat kegiatan sesebuah syarikat dan melaporkan hasil penyiasatan kepadanya. Kos membiayai penyiasatan ini akan ditanggung sendiri oleh penginsuran berkenaan.

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan arahan-arahan kepada penginsuran yang menjalankan urusan dengan cara yang boleh membahayakan kepentingan pemegang polisi. Arahan-arahan ini, antara lain, termasuklah perlantikan orang yang sesuai untuk menguruskan syarikat, penyingkiran pengarah, penggantungan pengeluaran polisi-polisi insuran baru dan lain-lain. Kuasa-kuasa ini adalah perlu supaya tindakan dapat diambil tepat pada ketikanya bagi menyelamatkan syarikat yang kedudukan kewangan buruk.

Terdapat beberapa peruntukan di dalam Akta di mana budibicara yang luas diberikan kepada Ketua Pengarah ataupun di mana kuasa yang boleh dianggap sebagai kuasa-kuasa yang sepatutnya dijalankan hanya selepas dirundingkan dengan Menteri terlebih dahulu, kerana kuasa-kuasa ini mungkin berkaitan dengan perkara-perkara dasar. Melalui pindaan sewajarnya terhadap seksyen 35 kepada Akta, Ketua Pengarah mesti terlebih dahulu berunding dengan Menteri sebelum menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen-seksyen tertentu seperti pembukaan cawangan baru, kuasa mengeluarkan arahan, penglulusan perlantikan pengarah dan pengarah urusan, melesen broker dan penyelaras dan pemberian pinjaman kepada syarikat berkaitan dan pengarah.

Di bawah fasal 26, pembayaran wang tunai kepada waris-waris sebenar bagi polisi-polisi insuran nyawa akan ditambah daripada jumlah sekarang sebanyak \$10,000 kepada \$20,000 dengan tidak perlu mengeluarkan 'probate' atau surat kuasa. Ini akan mengurangkan sebarang kesukaran yang mungkin menimpa keluarga pemegang-pemegang polisi yang telah meninggal dunia khususnya mereka yang tergelung di dalam pencari nafkah tunggal.

Di bawah fasal 27 sesiapa yang mengakui sebagai wakil yang dibenarkan oleh penginsuran dan yang mencadangkan atau merundingkan sesuatu kontrak insuran akan dianggap sebagai ejen kepada penginsuran dan sebarang kenyataan yang dibuat olehnya semasa mencadang atau merunding itu akan dianggap sebagai kenyataan penginsuran sendiri. Seksyen ini tidak hanya akan memberi tambahan perlindungan kepada pemegang polisi tetapi juga memastikan penginsuran akan melantik ejen-ejen dengan teliti.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita meyakinkan Dewan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan bukan sahaja untuk mengukuhkan kedudukan kewangan penginsuran tetapi juga langkah-langkah lain untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang polisi seterusnya. Oleh yang demikian, cadangan pindaan-pindaan kepada Akta itu adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masaalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insuran, 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.04 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Insuran 1963 saya ingin menyentuh di atas beberapa perkara saja.

Pertama, Fasal 4. Saya bersetuju dengan cadangan Fasal 4 ini tetapi untuk merujuk semua pendaftaran syarikat-syarikat insuran kepada Menteri untuk diluluskan tidaklah mencukupi. Ketua Pengarah Insuran mestilah faham dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sebelum sebarang pendaftaran dirujuk kepada Menteri.

Saya berkata demikian, kerana terdapat kebelakangan ini lebih dari dua syarikat insuran telah didaftarkan dengan tidak memenuhi syarat-syarat penyertaan bumiputra. Ini sangat mendukacitakan dan apakah pihak Kerajaan akan menggalakkan atau berdiam diri sahaja.

Saya dapati tidak ada faedahnya sekiranya sebelum syarikat insuran itu diluluskan pendaftarannya jika mereka tidak mahu mengikut dasar Kerajaan yang telah dibuat. Tidak ada faedahnya syarikat-syarikat tersebut menguruskan perniagaan mereka dengan melantik bekas pegawai-pegawai tinggi Kerajaan untuk menjadi Pengerusi syarikat mereka. Ini adalah satu perbuatan yang mengeciwakan dasar Kerajaan kita. Saya tidak mahu Kerajaan berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh anak-anak syarikat PERNAS seperti MNI dan lain-lain kerana industri insuran ini sangatlah luas. Maka semua daya usaha mestilah dipergiatkan untuk menjayakan supaya ramai kaum bumiputra dapat melibatkan diri mereka di dalam lapangan insuran.

Di samping itu ada juga syarikat-syarikat insuran yang langsung tidak menghiraukan di atas penyertaan bumiputra di dalam syarikat mereka. Apa yang saya dapati kebelakangan ini, Ketua Pengarah Insuran selalu benar

memperbesar-besarkan jumlah pekerja-pekerja Bumiputra di dalam syarikat-syarikat insuran. Tidak ada ertinya sekiranya lebih daripada 60% kaum bumiputra bekerja di syarikat-syarikat insuran hanya menjadi kerani, budak pejabat dan lain-lain manakala di peringkat pegawai atau pengarah ianya sangatlah kecil. Saya juga dapati pada masa ini ramai sangat orang-orang asing bekerja di syarikat-syarikat insuran. Apakah tindakan Ketua Pengarah Insuran untuk mengurangkan jumlah orang-orang asing itu?

Fasal 11 di dalam perkara ini, Ketua Pengarah Insuran tidak menyebutkan jenis-jenis insuran yang akan dikenakan bayaran tunai sebelum satu-satu polisi dikuatkuasakan. Sebelum Fasal 11 ini diluluskan, Ketua Pengarah Insuran mestilah menjelaskan dengan seterang-terangnya apakah jenis-jenis insuran am yang akan dikenakan bayaran tunai, kerana ini akan membebankan rakyat yang mana kita tahu telah banyak menghadapi kesukaran di dalam perkara ini. Saya bersetuju sekiranya Fasal 11 ini diluluskan tetapi semua syarikat-syarikat insuran mestilah bertanggungjawab apabila ada tuntutan, jika ada tuntutan-tuntutan insuran. Ini bererti yang syarikat-syarikat insuran itu mesti menjelaskan semua tuntutan-tuntutan dengan segera dan jangan melambat-lambatkan satu-satu tuntutan itu. Saya dimaklumkan di atas kesulitan-kesulitan diambil oleh syarikat-syarikat insuran tetapi jangan pula Ketua Pengarah Insuran membebankan kesulitan mereka itu kepada rakyat.

Akhir sekali mengenai Fasal 16. Saya bersetuju dengan cadangan Fasal 16 ini. Saya difahamkan ramai syarikat-syarikat insurance broker yang besar dari luar negeri masuk ke negeri kita ini dengan mudahnya. Saya ingin mendapat penjelasan dari Ketua Pengarah atau Menteri yang berkenaan, sejauh manakah beliau dapat mengawal aktiviti-aktiviti syarikat insurance broker dalam negeri setakat ini. Banyak Rang Undang-undang Akta Insuran 1963 dicadangkan tetapi tidak ada satu pun yang berkenaan dengan insurance broker. Saya mendapat faham ramai syarikat-syarikat insurance broker bumiputra yang gagal di dalam lapangan ini yang mana disebabkan dengan pertumbuhan syarikat-syarikat insurance broker dari luar negeri ini. Ramai juga syarikat-syarikat insurance broker bumiputra yang keciwa apabila perjanjian usahasama dengan syarikat-syarikat insurance broker luar negeri dibatalkan. Dan sebaliknya

Ketua Pengarah Insuran meluluskan permohonan lesen insurance broker kepada mereka walaupun mereka tidak mengikut langsung dasar Kerajaan.

Akhirnya saya mencadangkan supaya permohonan lesen untuk syarikat-syarikat insuran dan syarikat-syarikat insurance broker terutamanya dari luar negeri mestilah ditapis dengan sehalus-halusnya sebelum diluluskan. Kalau boleh, ada baiknya lesen-lesen tersebut dibekukan untuk selama 10 tahun supaya dengan ini akan dapat memberi peluang kepada syarikat-syarikat insuran dan broker untuk maju terutamanya syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya dan saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

4.10 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Huseein: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut membahaskan Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) ini.

Keadaan insuran-insuran ini kalau tidak difahami mungkin kita merasa keciwa. Walaupun demikian, kerana undang-undang dan kerana kemudahan dan kerana didesak, terpaksa dipatuhi. Dalam hal demikian, diminta Kerajaan mengkaji: (a) bahawa pihak insuran ada mengenakan wang excess kepada pembeli-pembeli insuran motokar dan lain-lain kenderaan berbeza sekali excess yang tinggi kepada kereta-kereta. Ada yang hampir-hampir \$1,000 kepada kereta-kereta buatan Jepun, kereta-kereta lama seperti kereta second hand, berlainan dengan kereta-kereta buatan negeri lain. Diharap benar pihak Kerajaan mengkaji balik keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan ketidakadilan excess ini adalah melibatkan lebih banyak dalam tindakan ini ialah golongan rakyat yang tinggal di luar bandar yang majority cuma sanggup membeli kereta-kereta lama dan juga kereta-kereta buatan Jepun. Dalam keadaan ini maka memiliki kenderaan sebagai alat mencari pendapatan adalah merupakan tekanan dan bebanan kepada mereka. Walhal Kerajaan menggalakkan rakyat mengiatkan kegiatan ekonomi mereka, tetapi tindakan pihak insuran-insuran ini adalah bertentangan sekali dengan hasrat Kerajaan. Pendek kata wang insuran kereta kena bayar dan kalau dapat kemalangan pula walaupun dia ada insuran, dia kena bayar

juga excess yang paling tinggi sekali. Dalam hal ini, walaupun tidak sama ada insuran dan tidak ada insuran, tetapi rakyat perlu pembelaan dalam perkara ini. Maka dengan ini saya amat mengharapkan pihak Kerajaan membuat kajian dengan teliti dalam perkara ini.

Maka setakat inilah sahaja dan akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) ini.

4.13 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih maklum iaitu insuran ini adalah satu jaminan kepada nyawa (life) manusia kerana dengan mengambil insuran ini maka apabila ajalnya, anak-anak dan isterinya akan terjamin. Kedua harta benda, iaitu jikalau sekiranya satu kilang atau rumah dan sebagainya terbakar maka akan terjamin juga supaya dapat orang-orang ini membina balik kilangnya ataupun rumahnya. Begitu juga dengan kereta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perniagaan insuran ini kita tahu bumiputra tidak sampai 2% mengambil bahagian oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu bumiputra tidak ada mempunyai manager yang baik, kerana pada masa penjajahan dahulu orang Melayu adalah papa hidupnya dan dengan sebab itu apabila mencapai kemerdekaan, barulah ada sekelah di mana mereka mendapat pelajaran sedikit sebanyak, maka sekarang mereka ini bolehlah berkecimpung menjalankan perniagaan-perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang akan datang oleh kerana Menteri Kewangan ada mempunyai kuasa untuk mengokkan, maka insuran-insuran ini mestilah sekurang-kurangnya mengikut polisi Kerajaan, dasar Kerajaan sekurang-kurangnya 30% daripada aktiviti-aktiviti insuran ini mestilah dipegang oleh bumiputra. Maka amalan ini mestilah dijaga oleh Menteri yang bertanggungjawab. Sampai sekarang boleh dikira dengan berapa jari sahaja yang mana bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan insuran. Mari kita bertanya apa sebabnya bumiputra tidak dapat

masuk dalam lapangan insuran ini? Satu daripada sebabnya ialah cuma yang boleh berjaya yang mana ada kontak dengan Kerajaan seperti PERNAS atau lain-lain, misalnya kilang Kerajaan, rumah batu atau bangunan Kerajaan dan lain-lain yang dipunyai oleh Kerajaan sahajalah yang boleh diinsured. Selain daripada itu bagaimana, Tuan Yang di-Pertua: Kalau Inggerisnya lebih baik mereka ini insured dengan orang Inggeris, kalau Jerman begitu juga, kalau Jepun begitu juga, yang lain-lainnya begitu juga. Mana ada peluang kepada bumiputra? Tidak ada peluang bumiputra mengambil bahagian dan di sini bagi pihak Kementerian mestilah menengokkan supaya perkara ini jangan berlaku berleluasa.

Insuran adalah satu perniagaan yang memberi untung kerana berapa factory yang terbakar, berapa rumah yang terbakar. Tiap-tiap orang takut hendak membakar rumahnya sendiri kerana bukannya 100% yang dibayar oleh insuran, cuma barangkali 80%, setinggi-tingginya 80%, 20% mesti ditanggung oleh orang itu sendiri. Itupun susah, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, insuran adalah satu perniagaan yang tidak payah keluar duit, kerana orang yang memberi duit dan kita insured. Itulah sebabnya Kerajaan sekarang menambahkan sampai \$1 juta ataupun lebih untuk menengokkan supaya insurance company ini jangan cuma ada beberapa sen sahaja dalam simpanannya atau syernya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini memang bagus, saya menyokongnya, tetapi perjalanan insuran ini mestilah dijaga benar-benar supaya mengikut dasar-dasar Kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan insuran ini oleh kerana insuran adalah penting untuk sesuatu negara. Kekayaan negara ini boleh dikatakan kebanyakannya diinsured, kalau ada perlombongan, dia mesti ambil insuran. Segalagalanya mesti diinsured. Ini bolehlah dikatakan satu perniagaan yang tidak payah dicari pasaran dan sebagainya. Tetapi sayang sekali bumiputra tidak ada mengambil bahagian yang aktif sungguhpun M.I.S.C. (Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia) yang dipunyai oleh Kerajaan, itupun orang lain yang dapat. Apakah dasar Kerajaan begini? Bagaimanakah dasarnya, saya hendak persoalan, apa sebabnya Kerajaan mengatakan hendak memberi peluang kepada bumiputra, dilaungkan di sana sini. Orang lain marah,

kerana dasar ini begini, orang lain ingat tiap-tiap orang Melayu sudah jadi kaya raya. Tetapi dasar ini tidak berjailan, bukan orang Melayu atau bumiputra hendak kekayaan, apa yang dikatakan oleh setengah orang baru-baru ini ada satu di Johor, bumiputra tidak mahu merampas hak sesiapa pun, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada di dalam Perlembagaan, tetapi hendak hidup di dalam negeri ini seperti kaum lain juga, berilah peluang kepada bumiputra ini.

Baru-baru ini saya membaca dalam akhbar rakyat naik marah sedikit, rakyat yang mana?—Rakyat yang mempunyai kereta, Tuan Yang di-Pertua, ada berapa million kereta di negeri kita ini termasuk motosikal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mahukah pihak insuran insure kereta ini jikalau insuran ini tidak untung? Tetapi sebagai orang berniaga sudah untung pun minta lagi! Bagi insuran rumah tidak mengapa, diamkan sebab tidak ada excess clausenya. Insuran faktori tidak ada excess clause sungguhpun ada juga injinjirin (machinery) di dalamnya. Apa sebabnya kereta-kereta penuh dengan excess clausenya? Sekarang, ada sports car bukannya istimewa sangat, cuma ada dua pintu sahaja dan bukan lari kuat sangat apabila diinsure insurance excessnya sampai \$1,000. Kalau kita pergi ke Insurance Agency, kadang-kadang kereta yang kita katakan hendak insure ini dia tidak mahu dan suruh kita pergi ke tempat lain. Ajen insuran di tempat lain pun tidak mahu. Beginilah caranya orang berniaga! Oleh kerana dia hendakkan untung sahaja, dia fikir kereta jenis ini mesti berlanggar sahaja. Itulah yang difikirkan oleh insurance agent ini. Takkanlah tiap-tiap kereta itu berlanggar, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jumlah berapa million buah kereta, berapa buah yang berlanggar satu hari, tetapi yang kemek-kemek itu tidaklah dibayarnya kerana excess clausenya sampai beribu-ribu ringgit.

Baru-baru ini di dalam akhbar, orang-orang ini datang berjumpa Timbalan Menteri Kewangan, semua berkumpul, ada gambarnya sekali beratur di meja bulat minta excess clausenya ditambah. Tuan Yang di-Pertua, permintaan mengenai excess clause ini boleh dikatakan diberi. Tidak mengapa kerana hendak menjamin insurance company. Tetapi bukan semua motokar ini dipunyai oleh orang kaya. Kalau orang kaya tak jadi hal. Kebanyakannya dipunyai oleh cikgu-cikgu, kerani-kerani, kadang-kadang mata-mata

yang gajinya \$500-\$600 pun sudah ada motokar, excess clausenya terlampau tinggi. Kalau hendak dipanggil orang-orang ini hendaklah dipanggil juga wakil-wakil rakyat supaya dibincang dengan wakil-wakil rakyat, apa wakil rakyat kata kemudian barulah dilaksanakan. Kalau tidak dibuat begitu, diluluskan sahaja maka rakyat yang kena. Ini saya minta supaya pada masa yang akan datang perkara ini hendaklah dijaga sedikit oleh kerana kalau tidak begitu ini akan melibatkan kehidupan rakyat berkenaan dengan kereta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang berkenaan dengan insuran ini oleh kerana apa yang dibuat dalam Akta Insuran ini ialah hendak melindungi rakyat kerana rakyat telah menaruh duit untuk disimpan di situ kemudian kalau director menggunakannya untuk tujuan lain nanti tentulah menyeleweng daripada dasarnya. Ini semua dijaga di dalam Rang Undang-undang ini maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian sama di dalam membahaskan Rang Undang-undang Insuran yang sedang kita bincangkan sekarang ini. Saya sependapatlah dengan beberapa rakan saya yang telah bercakap terlebih dahulu bahawa syarikat-syarikat insuran ini boleh dikatakan jarang menempuh kerugian bahkan untung. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya menyatakan sokongan saya oleh kerana ia bertujuan untuk melindungi pemegang-pemegang polisi dalam negara kita ini. Oleh kerana memandangkan kepada syarikat-syarikat insuran yang mengeluarkan polisi-polisi yang berkenaan ini sentiasa untung maka memang wajarlah pemegang-pemegang polisi daripada rakyat kita ini menikmati dan mendapat jaminan daripada pihak yang mengeluarkan insuran ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita juga maklumi bahawa sebahagian besar syarikat-syarikat insuran datang daripada luar negeri dan dibawa ke negeri kita ini untuk mencari keuntungan sebanyak-banyak yang boleh. Maka saya rasa eloklah pihak Kerajaan kita mengkaji supaya segala beban yang ditanggung oleh pengguna-pengguna yang membayar polisi kepada syarikat yang berkenaan ini tidak dianiayakan.

Saya menarik perhatian dalam masalah ini oleh kerana kita dapati bahawa ada syarikat-syarikat insuran yang sengaja mengelak daripada menanggung resiko untuk membayar ganti rugi apabila berlaku sesuatu kemalangan dan sebagainya. Saya menyatakan perkara ini oleh kerana pernah berlaku terutama di kawasan-kawasan luar bandar yang dialami oleh syarikat-syarikat bumi-putra yang membayar insuran dan juga pernah dialami oleh tuan-tuan punya kenderaan di luar-luar bandar yang kurang pengetahuan dalam masalah insuran ini. Mereka sentiasa dipermainkan-mainkan oleh samada agen-agen insuran atau syarikat-syarikat insuran itu sendiri dengan tujuan hendak mengelak daripada sebarang tanggungjawab membayar ganti rugi dan sebagainya. Kalau adalah pihak-pihak yang suka hendak menolong dan memberi kesedaran kepada pihak tuan punya kenderaan atau tuan-tuan punya syarikat kilang-kilang bumi-putra untuk menuntut ganti rugi dan sebagainya dari pihak insuran yang berkenaan maka mereka terpaksa membawa kes-kesnya ke mahkamah dan terpaksa menunggu masa prosesnya yang begitu lama sekali.

Inilah perkara-perkara yang pernah dialami oleh golongan bumiputra kita dalam masalah tanggungjawab syarikat-syarikat insuran seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah dapati bahawa pihak Kerajaan kita melayani syarikat-syarikat insuran dengan mengizinkan kadar-kadar premium dinaikkan mengikut kaedah-kaedah yang diluluskan oleh pihak Kerajaan. Walaupun kita sedar bahawa tuan-tuan punya kenderaan adalah sebahagian besar terdiri daripada orang-orang yang mampu, kalau tidak mampu bagaimana mereka hendak dan boleh membeli sebuah kenderaan berpuluh-puluh ribu ringgit. Ini memang benar, kalau mereka mampu maka apa salahnya mereka membayar insuran dengan kadar yang lebih. Tetapi, kalau kita mengkaji tuan-tuan punya kenderaan, selain daripada motokar walaupun motokar sebagaimana saudara saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi menerangkan bahawa golongan pertengahan dan juga golongan berpendapatan rendah pun telah mempunyai motokar, sebab motokar sekarang ini adalah menjadi sebagai alat kenderaan, atau alat perhubungan yang mustahak bagi rakyat dalam negara kita sekarang ini. Tidak boleh kita hendak

anggapkan bahawa motokar itu semata-mata luxury. Jadi dengan yang demikian rakyat yang berpendapatan rendah menerima akibat yang besar, lebih-lebih lagi tuan-tuan punya kenderaan di kampung-kampung seperti motosikal yang mana mereka ini juga menanggung akibat daripada kenaikan kadar seperti ini.

Selain daripada itu pengguna-pengguna kenderaan awam juga akan terlibat dalam masalah ini. Saya bimbang pada satu masa nanti tuan-tuan punya kenderaan awam ataupun syarikat-syarikat kenderaan awam seperti bas, bas sekolah dan teksi-teksi yang mengambil penumpang-penumpang yang terdiri daripada golongan yang tidak mampu untuk mendapatkan kenderaan sendiri akan dikenakan bayaran yang lebih berasaskan mereka kena membayar premium yang lebih tinggi di samping kenaikan itu, mungkin satu masa kelak harga minyak diesel dan sebagainya akan dilonggarkan oleh pihak Kerajaan untuk menaikkan kadar harganya. Ini semua membebaskan rakyat di luar bandar yang mana akibatnya rakyat yang susah ini bertambah tinggi tanggungan hidup mereka dan kesulitan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meringkaskan pandangan saya ini, saya sukalah meminta pihak Kerajaan, pertama sekali memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dan mengarahnya supaya mengambil tindakan ke atas mana-mana syarikat insuran yang sengaja melarikan diri dari tanggungjawab menanggung risiko atas ganti rugi di atas sebarang kemalangan yang ditanggung oleh pemegang-pemegang polisi tanpa mereka membawa kes mereka ke mahkamah-mahkamah pada masa akan datang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pihak Kerajaan mengarahkan ataupun sekurang-kurangnya memberi jaminan bahawa syarikat-syarikat kenderaan awam seperti bas, bas-bas sekolah atau teksi-teksi itu tidak menaikkan kadar tambang mereka kepada penumpang-penumpangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbincangan disambung semula.

4.56 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) dan saya amat gembira tadi mendengar ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tujuan-tujuan mengadakan pindaan ini ialah untuk melindungi pemegang-pemegang polisi dan juga untuk mencegah daripada kelengahan membayar insuran ataupun tidak membayar langsung.

Saya suka mengesyorkan di sini supaya pihak Kementerian Kewangan meminta satu daftar ataupun satu borang yang dapat dipenuhi oleh syarikat-syarikat insuran tentang berapa banyakkah polisi-polisi ataupun pemegang-pemegang insuran yang meminta claim yang ditolak dan juga claim yang dibayar bagi satu-satu syarikat. Perkara insuran ini kita semua tahu ialah satu perkara yang terlalu susah hendak difaham oleh orang-orang biasa, itulah sebabnya saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkaitan khususnya mengenai pemegang-pemegang

polisi yang kecil di kampung-kampung seperti penunggang-penunggang motosikal Honda, motokar dan juga mereka yang tidak mahir di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan insuran.

Adalah boleh dikatakan pada pemegang-pemegang polisi ini selalunya mengeneipkan apakah kawalan yang dapat didapati daripada pembelian insuran, tetapi hanya membeli polisi-polisi ini ialah dengan tujuan untuk membolehkan mereka membayar cukai semata-mata. Jadi, manakala berlaku sesuatu kemalangan kerap-kali terdapat kadang-kadang slip yang ditampal di atas polisi itu yang tidak berapa begitu dihiraukan oleh orang-orang kampung telah menjadi satu kekuatan kepada syarikat-syarikat ini untuk melepaskan diri daripada membayar tanggungan-tanggungan mereka. Ini adalah satu benda yang realistik yang patut diambil pertimbangan khusus oleh Kementerian yang berkaitan.

Dan lagi oleh sebab keadaan insuran ini ada berkait dengan kedudukan kewangan seperti mana permohonan-permohonan untuk dicagarkan kepada bank ataupun institusi-institusi kewangan yang lain, maka kerap-kali keadaan memaksa kepada perusahaan-perusahaan samada kecil atau besar membayar satu premium yang agak tinggi kepada syarikat-syarikat insuran ini untuk membolehkan mereka mendapat bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan seperti mana UDA, MARA dan juga MIDF, MBSB dan sebagainya. Secara tidak langsung bahawa satu kesan ataupun paksaan telah dipaksakan kepada mereka yang mesti membeli insuran itu. Perkara ini kerap kali berlaku. walaupun pada zahirnya tidak boleh saya katakan suatu penipuan, tetapi bolehlah dikatakan suatu penipuan secara undang-undang. Keadaan itu pernah berlaku dan boleh dikatakan di tempat saya sendiri di negeri Kedah yang ada kilang-kilang beras, kilang padi yang telah membeli insuran tetapi oleh kerana golongan-golongan bumiputra itu baru sahaja masuk di dalam perusahaan dan perniagaan, mereka tidak begitu mengambil berat sangat tentang perlindungan atas polisi-polisi itu. Saya berharap supaya Kementerian Kewangan dapat menentukan bahawa polisi-polisi yang dijual kepada pemegang-pemegang polisi samada jenis perusahaan, kenderaan motosikal dan kereta kecil di kampung-kampung dapat menentukan kelemahan, dapat memberikan suatu keistimewaan

bahawa kelemahan mereka itu dapat diatasi dalam satu masyarakat yang lebih sophisticated.

Satu-satu usaha hendaklah dibuat untuk melindungi pembeli-pembeli insuran itu dan kemudahan yang lebih banyak ataupun kelonggaran yang lebih banyak hendaklah diadakan di Kementerian-kementerian di mana tempat-tempat yang berkait dengan pemegang dengan polisi itu boleh mengadu dengan Kementerian yang berkenaan untuk memeriksa dengan teliti samada kes-kes itu sebenarnya telah diputar-belitkan oleh syarikat-syarikat insuran.

Saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang lagi hanya saya mengharapkan bahawa apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi iaitu melindungi pemegang polisi, dan menghindarkan daripada kelengahan membayar insuran ataupun tidak membayar langsung.

Satu perkara lagi yang saya dapati iaitu kadang-kala manakala satu-satu kenderaan mendapat kemalangan, sementara kita mendapat satu bayaran insuran atau suatu pengakuan daripada syarikat insuran untuk memperbaiki kereta itu kadang-kala mengambil masa sampai setengah tahun. Jadi kalau seseorang itu menjadikan kenderaan motokar atau motosikal itu sebagai satu alat untuk mencari matapencarian, maka kadang-kala motokar atau motosikal itu ditinggalkan dalam workshop selama 6 bulan sementara mendapatkan pengakuan daripada pihak insuran company. Dan dengan mengadakan satu penyiasatan maka dapatlah Kementerian ini menentukan bahawa kenapakah sesebuah syarikat insuran itu melambat-lambatkan bayaran dan perlulah satu rekod yang boleh blacklist syarikat-syarikat seumpama itu supaya menjaga keselamatan pemegang-pemegang polisi.

Itulah sahaja cadangan saya dan saya menyokong Bil ini.

5.14 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, gemar saya menambahkan hujah yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya dan saya akan cuba seberapa boleh tidak akan menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh mereka.

Peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini membolehkan Kerajaan mempunyai kuasa dalam syarikat-syarikat insuran samada tempatan ataupun syarikat insuran luar negeri yang didaftarkan di sini, maka dengan kuasa itu dapat menyelamatkan satu-satu keadaan seperti wujudnya sebuah Peratuan Insuran Malaysia.

Rakyat seharusnya memuji satu Rang Undang-undang yang memberikan lebih kuasa diadakan dalam negeri ini, sebab selama ini rakyat yang memegang polisi insuran telah dipermain-mainkan dan berupa penipuan dijalankan oleh setengah-setengah syarikat insuran walaupun mereka itu menggunakan polisi-polisi yang baik, tetapi pada kemuncaknya adalah menghampa dan menggagalkan. Memang telah diwajibkan tiap-tiap kenderaan berjentera mesti memakai insuran dengan kelas-kelas sedarjah dengan kenderaan itu dan keupayaan pemegang polisi itu, tetapi alangkah mengejutkan kita bila Timbalan Menteri Kewangan mengumumkan kenaikan premium insuran kereta-kereta bermotor sehingga 300%. Tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa suatu perkara yang akan melibatkan, kalau tidak dikawal dengan begitu rapi tak dapat kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan bahawa pengguna-pengguna kenderaan pengangkutan awam akan menaikkan tambang samada lori, bas dan motorkar.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Kerajaan kenalah bertimbangrasa kepada rakyat, kerana rakyat Malaysia ini baru sahaja dapat menikmati kenderaan-kenderaan yang berjentera terutama sekali penduduk luar bandar, mereka menggunakan motosikal. Penggunaan itu ada kaitannya dengan pembangunan kita, memudahkan mereka dalam perjalanan samada penduduk dalam bandar dan juga di luar bandar. Tetapi dengan kenaikan premium yang diumumkan oleh Timbalan Menteri itu adalah sangat mengejutkan dan menggelisahkan golongan rakyat bawahan. Saya berpendapat bahawa Kementerian ini adalah lebih mementingkan syarikat-syarikat insuran dalam negeri ini daripada kepentingan rakyat jelata. Saya bercakap begitu dari segi pandangan rakyat, kerana Kerajaan yang ditubuhkan dalam negeri ini adalah hasil daripada pilihan mereka. Dalam masalah ini walaupun ada alasan-alasan yang boleh menghalalkan atau melayakkan syarikat-syarikat insuran menaikkan premiumnya seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan,

tetapi bagi rakyat tentulah sukar hendak menerima alasan-alasan itu. Atas bijaksana Timbalan Menteri yang berkenaan, saya mengharapkan pada suatu ketika kelak dapat dikaji kaedah kenaikan premium itu yang saya fikir memberi keadilan kepada pihak pengguna dan juga pihak syarikat insuran.

Satu perkara yang terjadi dalam masaalah syarikat insuran itu akan mengadakan polisi yang luas saya fikir patut Kementerian ini memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang saya katakan ini, bukan sahaja syarikat insuran itu mengambil ahli-ahli daripada mereka yang ada jentera-jentera yang ada bermotor, termasuklah bangunan, perumahan, perkilangan, pekebunan, pertanian dan juga buruh-buruh kasar dengan pekerjaan yang dianggap membahayakan seperti perlombongan, binaan, membalak dan meneroka hutan. Kita harap kepada mereka yang terlibat ini supaya sesuatu usaha hendak dijalankan hendaklah diambil insuran kepada pekerja-pekerja itu.

Dalam masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kawalan Kerajaan bukan sahaja saya harap dalam masaalah buruh kasar sebab kita kadang kala terdapat ada peneroka-peneroka hutan kita yang digunakan oleh pemborong-pemborong tanpa mengambil insuran. Bilamana kemalangan waktu mereka menjalankan usaha itu tiada satu imbuhan yang didapati untuk kebajikan mereka dan juga kalau maut bagi keluarga mereka. Walau perkara ini pada zahirnya ada diusahakan oleh perusahaan-perusahaan ini tetapi lebih banyak terutama sekali kalau di kawasan-kawasan di pendalaman. Jadi, saya berharap Kerajaan juga akan dapat memberikan perhatian dalam masaalah ini.

Perniagaan-perniagaan insuran ini, kadang kala matlamatnya memang hendak mencari keuntungan menggunakan polisi-polisi yang ada pada mereka, bagaimana setengah-setengah telah membuat laporan yang tertentu dan kadang kala seseorang yang berniaga itu merasa dirinya dalam kerugian dan hutang yang banyak dia mengambil tindakan membakar kedainya, membakar kilang dengan maksud dan tujuan bilamana mereka berpakat dengan insuran yang telah diambilnya itu, insuran itu akan berpejuang memberi imbuhan untuk membaiki kilang-kilang atau kedai yang dibakarnya. Begitu juga setengah motokar, motokar

yang telah buruk diambil insuran First Party, dicat baik-baik, berpakat dengan RIMV dapat satu kelas yang baik, kelas satu, tidak berapa lama motokar itu dipakai dibakar atau dirosakkan dengan tujuan supaya mereka dapat mengambil polisi untuk menggantikan motokar yang buruk kepada sebuah motokar yang baru. Ini kejadian-kejadian yang pernah berlaku oleh setengah-setengah syarikat insuran dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sangat besar hati dalam pindaan Rang Undang-undang ini berhubung dengan syarikat insuran yang kita dapat imbuan daripada \$10,000 kepada \$20,000. Ini satu kemudahan yang sangat baik kepada pemegang-pemegang insuran nyawa ini. Saya gemar memperkatakan bahawa syarikat insuran nyawa ini banyak dapat sambutan bukan sahaja daripada rakyat dalam bandar tetapi termasuk luar bandar dengan sebab polisinya sangat baik dan menjamin siapa juga yang memegang polisi. Tetapi, ada setengah syarikat insuran nyawa ini tidak menunaikan atas apa yang tercatat dalam polisinya terutama seseorang pemegang polisi itu kena kemalangan, masuk hospital; bayaran hospital itu mereka patut dapat mengikut perjanjian tetapi mereka hampa dengan kemudahan yang patut didapati kerana bayaran hospital itu. Jadi, kejadian ini, yang menyulitkan rakyat dalam negeri ini yang ada kaitan dengan insuran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bercakap panjang sedikit oleh sebab kita ada masa sampai pukul 7.30, saya harap Tuan Yang di-Pertua izinkan. Dalam masalah insuran ini juga kita patut luaskan kepada peladang-peladang kita dan dapat Persatuan Insuran Malaysia ini menasihatkan mereka supaya mengambil insuran dalam usaha-usaha mereka bekerja di ladang-ladang ataupun menasihatkan ladang-ladang itu sendiri sebagai majikan menginsurankan pekerja-pekerja ladang itu. Mereka yang banyak terlibat kemalangan, ialah seperti buruh di ladang-ladang getah, pekerja-pekerja di FELDA. Jadi dengan keadaan ini bila mereka terlibat dalam kecederaan atau kemalangan waktu mereka tiada bekerja itu dapatlah mereka menikmati kemudahan melalui polisi insuran ini. Kepada ladang-ladang terutama sekali ladang yang ada kaitan dengan tanaman seperti getah, kelapa sawit dengan mengambil insuran ini dapat bantuan ketika pokok-pokok ini menerima

bencana alam seperti kebakaran, ribut-taufan atau banjir dengan keadaan itu bagi pihak ladang dan juga bagi pihak peserta ladang-ladang itu dapat memulihkan kawasan-kawasan atau kelompok-kelompok yang telah dimiliki oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi perbincangan dalam masalah syarikat insuran ini dengan mengamalkan sistem berkelas-kelas dalam penjualan insuran ini kepada motor-motor dan kenderaan serta bangunan. Ada kalanya diberi dengan Third Party, First Party. Sekiranya berlaku satu-satu kemalangan, kelas yang Third Party ini tidak menerima apa-apa faedah atas kerosakan kereta mereka walhal mereka telah membayar insuran yang sama. Saya berharap kalau boleh Yang Berhormat Menteri berkenaan mengkaji balik supaya diselaraskan pembayaran ini tidak kira kelas insuran yang diambil oleh pemegang polisi-polisi ini. Bilamana berlaku sesuatu kemalangan atau kerosakan sedikit sebanyak diberi hak kepada mereka sebagai orang yang telah menanam modal dalam syarikat itu. Saya harap amalan kelas-kelas dan tidak memberi peluang kepada orang yang mengambil Third Party ini adalah zaman penjajah. Saya harap ini dapat ditimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam syarikat insuran luar negeri, syarikat-syarikat ini telah didaftarkan dalam negeri ini mereka mendapat keuntungan yang besar dan keuntungan ini dibawa balik ke negeri asal mereka. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya menghadkan keuntungan yang boleh dibawa balik ke negeri asal itu dan sebahagian besarnya supaya ditanam demi faedah dan kepentingan rakyat negeri ini sebab mereka telah mendapatkan keuntungan dalam urusan ini ialah dengan bantuan rakyat dalam negeri sebagai pemegang polisi. Saya berharap satu masa dan satu ketika kalau boleh supaya syarikat-syarikat insuran luar negeri ini diambil alih oleh syarikat-syarikat insuran tempatan dengan berperingkat-peringkat. Apa saya harapkan bahawa Kementerian ini hendaklah memberikan latihan kepada perusahaan-perusahaan insuran tempatan supaya menuju matlamat yang bertaraf syarikat insuran yang bercorak antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah disungutkan oleh rakan sejawat saya bahawa banyak syarikat insuran yang diusahakan oleh bumiputra, Kementerian ini seharusnya mem-

berikan satu latihan kepada mereka ini supaya benar-benar boleh melayakkan diri mereka dalam perusahaan insuran ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 14, Ketua Pengarah dan Jemaah Pengarah ini juga, saya mengharapkan syarikat insuran yang hendak memilih pegawai-pegawai sedapat-dapatnya diambil orang yang jujur dan juga orang yang ada mempunyai kelayakan dalam usaha perniagaan ini. Selain daripada itu bagi pihak Ketua Pengarah hendaklah memerhatikan dari semasa ke semasa perjalanan pentadbiran syarikat-syarikat yang sedang berjalan dengan Pengarah-pengarah yang dipilih itu. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan penuh kepada Rang Undang-undang ini.

5.23 ptg.

Tuan V. S. M. Vellayappa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dalam Rang Undang-undang ini ada beberapa pindaan kepada Akta Insuran khususnya Fasal 27 yang mana membawa satu seksyen 44A kepada Akta ibu.

Pada masa-masa yang lalu banyak polisi insuran yang dipegang oleh orang-orang miskin yang tidak ada pelajaran telah didapati tidak sah (held to be void) kerana agen-agen insuran telah tidak beritahu serta mencatat butir-butir yang penting dalam borang permohonan. Ramai daripada agen-agen ini tidak mempedulikan apa terjadi kepada pemegang polisi. Mereka hanya berminat untuk mendapatkan komisyen mereka. Syarikat-syarikat insuran seperti mana dijelaskan dalam nota penjelasan pemindahan ini seharusnya waspada dan beri perhatian yang serius dalam pemilihan agen-agen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada dewasa ini adalah didapati bahawa Akta asal serta pemindahan ini tidak memberi garis-garis siapakah sepatutnya boleh menjadi agen insuran. Saya berpendapat bahawa patut diadakan garis-garis yang ternyata serta kukuh yang melarang orang-orang yang ada conviction for criminal breach of trust atau kesalahan yang related daripada menjadi kakitangan syarikat-syarikat insuran. Per-

untukan ini juga hendaklah dilanjutkan kepada agen-agen dan sub-agent.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kita mengambil Insuran Nyawa untuk meninggalkan sedikit harta-wang kepada waris-waris kita apabila kita mati. Pada masa ini, pembayaran kepada waris-waris mengambil masa yang begitu lama dan tambahan pula procedure mendapatkannya sangat rumit. Pihak syarikat insuran berkehendakkan banyak butir-butir yang tidak mustahak dan perlu, umpamanya dalam kes-kes di mana laporan polis tidak perlu mereka mahu sight of Police report. Saya syorkan dalam semua kes di mana pembayarannya kurang daripada \$20,000 syarikat-syarikat hendaklah membayar wang itu apabila sijil kematian dikemukakan. Sekiranya mereka membayar lewat lebih dua minggu daripada tarikh sijil kematian dikemukakan mereka hendaklah membayar faedah 2% sebulan. Dengan kaedah seperti ini, waris-waris boleh mendapatkan harta-wang dengan segera tanpa menunggu beberapa bulan dan segala kerumitan kewangan waris-waris dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperingatkan bahawa peraturan besar rakyat negara ini mempunyai kenderaan seperti motokar dan motosikal. Undang-undang lalu-lintas mewajibkan setiap kenderaan yang menggunakan jalanraya mesti mempunyai Third Party Insurance sekurang-kurangnya. Ramai juga yang mengambil Comprehensive Policies di atas kenderaan mereka. Adalah tidak keterlaluan serta sering pula kita dapati tuntutan memperbaiki kenderaan daripada syarikat insuran mengambil masa yang lama—beberapa bulan untuk diselesaikan. Saya sendiri pernah mengalami kesukaran ini.

Syarikat insuran mengambil sebulan untuk menghantar pemeriksa untuk view the damaged vehicle. Pemeriksa ini pula mengambil sebulan lagi untuk menyiapkan laporannya. Dan syarikat pula memakan beberapa waktu untuk mengarah kerja-kerja pembaikan boleh dijalankan. Dalam tempoh ini, tuan empunya kereta melalui beberapa kesukaran pengangkutan. Adalah difikirkan sangat wajar Yang Berhormat Menteri melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya atau mengarah seorang pegawai Kementerian untuk menyiasat kelewatan ini.

Sekianlah sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5.29 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Senator Puan Rafidah Aziz dan Ketua Pengarah Insuran, Encik Bhupinder Singh untuk membawa Undang-undang Insuran up-to-date amounting to a Herculean task dan untuk melindungi syarat-syaratnya kepada mereka misalnya Fasal 3, 11 dan 27.

(Dengan izin) Here it is not only intended to increase the solvency requirements, cash for cover against risks and loss but also to improve the surveillance to agents of insurance companies.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibuat untuk orang-orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan orang-orang yang jujur. Dalam pada ini juga mewujudkan muhibbah dan membangun bidang perusahaan kita dengan licin.

However, Sir, there may have been or still be some defects on inadequacies here and there that may warrant further amendments in due course, for we know the gem is not polished without rubbing nor a man perfected without trials and we learn as we journey through life.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya harap iaitu Kerajaan kita bolehlah menjalankan segala perkara yang tersebut dengan tidak menghadapi apa-apa kesusahan dengan pegawai-pegawai berpengetahuan tinggi seperti Actuary dan lain-lain untuk menjalankan beberapa pindaan dalam keadaan yang sesuai dan berpatutan atas kepentingan orang ramai for without the expert guidance of the high-powered personnel, the Government may find it difficult in carrying on with this insurance business with all these amendments in the proper manner and faithfully ensuring the interests of the insuring public.

Saya percaya iaitu Kerajaan kita tidak akan biarkan keadaan. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong dan memuji Ketua Pengarah Insuran dan pegawai-pegawainya.

5.32 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa saya

menyokong Bil ini, saya juga menyatakan rasa kesal yang tidak terhingga kepada ucapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan bagi menaikkan premium insuran beberapa hari yang lalu. Kenaikan itu bukan kecil, daripada 15% sehingga kepada 300% kereta perseorangan dan lain-lain kenderaan juga naik.

Dalam keadaan inflasi dan dalam keadaan yang kita rasa kesesakan sekarang ini, saya fikir bukan masanya lagi Kerajaan bersetuju menaikkan premium insuran ini. Masa menaikkan insuran itu dengan alasan bahawa komapani insuran ini rugi. Kita tahu sebahagian besar insuran dalam negeri ini ialah insuran yang didaftarkan di luar negeri tetapi berniaga di dalam negeri kita ini, sebab lapangan insuran ini dalam negara kita masih baru dan boleh kita bilang dengan jari sekarang ini komapani-komapani insuran yang didirikan oleh rakyat Malaysia sendiri. Jadi masaalah kerugian komapani insuran itu maka Kerajaan bersetuju menaikkan premium daripada 15% kepada 300% kenderaan perseorangan. Saya rasa pandai sungguh komapani insurans mengambil kesempatan ini menjemput seorang Menteri yang baik hati, seorang wanita yang difikirkan boleh dijadikan satu benteng pertahanan kepada syarikat itu. Masaalah penggunaan jentera atau kereta dalam negara ini bukan terlibat kepada satu dua orang, tetapi melibatkan kepada Kerajaan. Dalam masa negara kita kekurangan minyak gas, insuran kereta telah naik. Rakyat mendapat satu gambaran yang lain. Walaupun saya kesal, tetapi yang lalu tetap berlalu dan air yang hilir tidak akan mudik ke hulu lagi, tetapi saya memberi pandangan kepada sahabat saya, perkara yang begini patutlah sekurang-kurangnya kita membawa perhatian kepada satu kajian yang meliputi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam masaalah Rang Undang-undang ini, dalam masaalah insuran ini pada pandangan saya yang cetek, terpisah kepada dua golongan; satu Syarikat insuran itu sendiri dan yang keduanya ialah penginsuran kepada syarikat itu. Jadi, sekarang ini undang-undang ini dibuat ialah

Puan Rafidah Aziz: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat insuran itu maknanya penginsuran itu sendirilah, sama sahaja takrifnya.

5.29 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Senator Puan Rafidah Aziz dan Ketua Pengarah Insuran, Encik Bhupinder Singh untuk membawa Undang-undang Insuran up-to-date amounting to a herculean task dan untuk melindungi syarat-syaratnya kepada mereka misalnya Fasal 3, 11 dan 27.

(*Dengan izin*) Here it is not only intended to increase the solvency requirements, cash for cover against risks and loss but also to improve the surveillance to agents of insurance companies.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibuat untuk orang-orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan orang-orang yang jujur. Dalam pada ini juga mewujudkan muhibbah dan membangun bidang perusahaan kita dengan licin.

However, Sir, there may have been or still be some defects on inadequacies here and there that may warrant further amendments in due course, for we know the gem is not polished without rubbing nor a man perfected without trials and we learn as we journey through life.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya harap iaitu Kerajaan kita bolehlah menjalankan segala perkara yang tersebut dengan tidak menghadapi apa-apa kesusahan dengan pegawai-pegawai berpengetahuan tinggi seperti Actuary dan lain-lain untuk menjalankan beberapa pindaan dalam keadaan yang sesuai dan berpatutan atas kepentingan orang ramai for without the expert guidance of the high-powered personnel, the Government may find it difficult in carrying on with this insurance business with all these amendments in the proper manner and faithfully ensuring the interests of the insuring public.

Saya percaya iaitu Kerajaan kita tidak akan biarkan keadaan. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong dan memuji Ketua Pengarah Insuran dan pegawai-pegawainya.

5.32 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa saya

menyokong Bil ini, saya juga menyatakan rasa kesal yang tidak terhingga kepada ucapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan bagi menaikkan premium insuran beberapa hari yang lalu. Kenaikan itu bukan kecil, daripada 15% sehingga kepada 300% kereta perseorangan dan lain-lain kenderaan juga naik.

Dalam keadaan inflasi dan dalam keadaan yang kita rasa kesesakan sekarang ini, saya fikir bukan masanya lagi Kerajaan bersetuju menaikkan premium insuran ini. Masa menaikkan insuran itu dengan alasan bahawa komapani insuran ini rugi. Kita tahu bahawa bagian besar insuran dalam negeri ini ialah insuran yang didaftarkan di luar negeri tetapi berniaga di dalam negeri kita ini, sebab lapangan insuran ini dalam negara kita masih baru dan boleh kita bilang dengan jari sekarang ini komapani-kompani insuran yang didirikan oleh rakyat Malaysia sendiri. Jadi masalah kerugian komapani insuran itu maka Kerajaan bersetuju menaikkan premium daripada 15% kepada 300% kenderaan perseorangan. Saya rasa pandai sungguh komapani insurans mengambil kesempatan ini menjemput seorang Menteri yang baik hati, seorang wanita yang difikirkan boleh dijadikan satu benteng pertahanan kepada syarikat itu. Masalah penggunaan jentera atau kereta dalam negara ini bukan terlibat kepada satu dua orang, tetapi melibatkan kepada Kerajaan. Dalam masa negara kita kekurangan minyak gas, insuran kereta telah naik. Rakyat mendapat satu gambaran yang lain. Walaupun saya kesal, tetapi yang lalu tetap berlalu dan air yang hilir tidak akan mudik ke hulu lagi, tetapi saya memberi pandangan kepada sahabat saya, perkara yang begini patutlah sekurang-kurangnya kita membawa perhatian kepada satu kajian yang meliputi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam masalah Rang Undang-undang ini, dalam masalah insuran ini pada pandangan saya yang cetek, terpisah kepada dua golongan; satu Syarikat insuran itu sendiri dan yang keduanya ialah penginsuran kepada syarikat itu. Jadi, sekarang ini undang-undang ini dibuat ialah

Puan Rafidah Aziz: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat insuran itu maknanya penginsuran itu sendirilah, sama sahaja takrifnya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham, insuran itu insuranlah tetapi orang yang membayar polisi itu tidakkah terbahagi dua iaitu komparti itu satu sebagai sifat komparti dan penginsuran maknanya pembayar polisi itu sebagai satu bahagian daripada

Puan Rafidah Aziz: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Ahli Yang Berhormat katakan syarikat satu pihak, penginsurannya satu pihak lain. Dari segi takrif kita kalau penginsuran itu maknanya syarikat. Pembayar polisi ialah pemegang polisi itulah yang maksud Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, beliau faham maksud saya, tetapi tidak patut tegur awal-awal, biasanya orang perempuan ini baik hati (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, maksud saya sama dengan maksud beliau. Jadi, sekarang ini biasanya komparti insuran ini bila menjalankan perniagaan banyak terjadi perkara-perkara yang merugikan orang yang membeli polisi oleh sebab kejahilan mereka sendiri yang hingga hari ini walaupun negara kita menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi, perjanjian (*agreement*) itu masih kekal dalam bahasa Inggeris sedangkan cuma 2% sahaja daripada rakyat negara kita yang berjumlah 11 juta ini mengetahui bahasa Inggeris, sedangkan syarikat insuran ini menjual polisinya kepada rakyat negara ini. Jadi apa salahnya Kerajaan memandangkan dalam masalah ini, pertama *agreement* itu sendiri.

Yang kedua, seseorang pembeli insuran kadangkala cekap juga walaupun tidak tahu bahasa Inggeris dia sains sampai lima enam keping, asalkan keretanya berpolisi. Sekarang ini berlaku satu pertelingkahan. Contohnya, satu kereta diinsurankan sekian-sekian banyak, katalah \$50,000 daripada satu tarikh kepada satu tarikh yang berjumlah 360 hari setahun, maknanya daripada satu tempoh ke satu tempoh. Keretanya diinsurankan sebanyak \$50,000 bagi satu tempoh katalah 1hb Januari kepada 31hb Disember dalam tahun itu. Dengan takdir Tuhan hilang kereta itu, syarikat insuran tidak akan bayar sebanyak mana yang diinsurankan, dia akan potong lagi sedangkan kita menginsurankan ialah dalam satu tempoh yang kita kehendaki daripada 1hb Januari umpamanya kepada 31hb Disember, kita insurankan kereta kita sekian banyak dengan bayaran premium

sekian banyak, yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak; pihak syarikat insuran mengambil peluang lagi kadang-kadang *kick-back*, kadang-kadang dihantar kepada satu consultant pula kononnya, consultant itu dapat faedah lebih kurang 10%, \$200 upahnya supaya menilai benda ini. Saya fikir perkara ini tidak patut sebab dia insurankan sebanyak itu dalam tempoh yang tertentu. Mengapa pula dipotong insurannya?

Satu contoh lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan orang yang mengambil polisi insuran nyawa, katakan \$100,000 bila sampai umur 50 tahun mesti bayar \$100,000. Kalau takdirnya dia mati sebelum umur 50 tahun syarikat insuran mesti bayar sebanyak \$100,000 tetapi tentang motokar lain. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut diperhati oleh Ketua Pengarah dan juga Menteri yang berkenaan.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Dr C. Sinnadurai bahawa Ketua Pengarah Insurans ini begitu dedicated berhubung dengan Jabatan ini. Saya akui. Tetapi walau macam manapun kesilapan ini mungkin ada dan perkara ini saya mohon ditimbang oleh Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak; kadangkala oleh sebab kehidupan seseorang itu dia tidak dapat memanjang atau menyambung pembayaran premiumnya tiap-tiap bulan oleh satu-satu sebab yang tidak dapat dielakkan. Oleh sebab tempoh itu belum habis, maka insurans itu hilang begitu sahaja walaupun pada janjinya selepas dua tahun apabila dia membeli atau membayar polisinya boleh dia tuntutan. Dengan satu cara macam mana ini, tidak dapat dibuat walaupun pengaduan itu dibuat kepada pihak yang berkuasa. Dalam masalah yang semacam ini saya mohonlah Kerajaan menimbang dan saya harap apa yang saya katakan tadi dapat ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini.

5.41 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insuran 1963.

Adalah menjadi satu amalan biasa bagi syarikat-syarikat insuran melantik wakil-wakil syarikat mereka kepada orang-orang

tertentu di merata-rata tempat disekitar bandar dan pekan dengan sesuka hati dan bebas tanpa sebarang sekatan, kawalan atau syarat. Ini kerap menimbulkan beberapa masaalah apalah membeli insuran.

Tuan Yang di-Pertua, masaalahnya apabila satu wakil menerima pembayaran premium bagi pihak satu syarikat insuran dan mengeluarkan resit atas nama persendirian dan apabila berlaku sesuatu kemalangan yang menimbulkan tuntutan maka syarikat insuran itu tidak mengaku dan menafikan tanggungannya terhadap tuntutan itu kerana bayaran premium tidak diterima olehnya. Dan ada juga syarikat membuat beberapa tuntutan dan membatalkan insuran kerana tidak membayar premium tetapi yang sebenarnya premium sudah dibayar kepada wakil-wakil mereka. Saya syorkan wakil-wakil syarikat insuran hendaklah tertakluk kepada kawalan dan peraturan-peraturan yang kemas dan diberi lesen oleh Ketua Pengarah Insurans dan wakil-wakil itu tidak dibenarkan menguruskan hal insuran kepada sesiapa melainkan telah berlesen, berdaftar dan terkawal kemas supaya tidak menyalahgunakan kerja-kerjanya itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan insuran nyawa pula ada juga terdapat setengah-setengah syarikat insuran nyawa tidak memberi peluang pinjaman kepada pemegang polisi insuran untuk digunakan bagi membuat rumah dan sebagainya dan ini perlu disyaratkan kepada syarikat insurans nyawa itu.

Saya juga mengesyorkan agar diadakan penyiasatan yang lebih rapi ke atas wakil-wakil insurans yang mengenakan tuntutan membeli insurans dengan beberapa alasan. Jaminan yang lebih harus diberikan dari wakil-wakil insuran untuk memastikan tuntutan-tuntutan membeli insuran tidak menimbulkan masaalah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong Bil ini.

5.45 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini iaitu Rang Undang-undang Insuran (Pindaan).

Saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam perkara ini tetapi saya suka hendak

menarik perhatian kepada satu perkara walaupun perkara ini telahpun disebut oleh Yang Berhormat Senator V. V. Aboo baru sekejap tadi iaitu perkara broker-broker yang menjalankan perniagaan bagi pihak agensi-agensi insurans. Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua ketahui, lebih-lebih lagi di pantai timur seumpama di Trengganu dan Kelantan, rakyat negeri itu adalah kebanyakannya buta huruf. Dalam keadaan begini adalah menjadi satu gelanggang yang subur bagi broker pihak agensi insuran ini menjalankan perniagaan dan menjalankan urusan berkenaan dengan insuran lebih-lebih lagi insuran nyawa.

Saya bawa perkara ini ialah dengan sebab semenjak beberapa tahun yang lepas didapati broker-broker ini adalah bermaharajalela masuk ke kampung-kampung membuat dakyah untuk melaku atau menjualkan polisi-polisi insuran agensi masing-masing.

Jadi dalam menjalankan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyaklah berlaku perkara-perkara yang tidak digemari seumpama penipuan dan sebagainya. Oleh kerana orang-orang yang didatangi oleh broker-broker ini boleh dikatakan orang kampung yang hatinya lurus, jadi apakala dakyah-dakyah yang telah diterangkan kepada mereka itu akan menggembirakan mereka ataupun yang boleh menarik hati mereka maka mereka dengan hati yang lurus dan ikhlas mahu membeli polisi insuran itu.

Apa yang telah berlaku di dalam penipuan itu, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung itu ada yang sampai menjual lembu kerbaunya kerana membeli polisi insurans ini dengan tujuan supaya apakala berlaku sahaja kemalangan ataupun mati dan sebagainya mereka akan mendapat faedah daripada polisi itu sebagaimana yang diterangkan oleh broker-broker tersebut. Umpamanya, mereka itu disuruh membeli polisi insuran sebanyak \$5,000. Tetapi kalau sekiranya orang-orang yang hendak membeli khasnya orang-orang kampung itu tidak mempunyai mata pencarian tetap, broker-broker itu sampai hati pula menyuruh jual lembu untuk membayar kali pertama dan kedua sahaja. Selepas mereka itu membayar maka tidak adalah yang hendak dibayar kali ketiga dan keempat dan pada masa itu berlakulah bermacam-macam perkara yang tidak diinginkan.

Ada pula kadang-kadangnya broker-broker itu pergi ke kampung-kampung menerima wang tetapi wang itu tidak diserahkan kepada pihak agensi-agensi, dipakai untuk dirinya sendiri; ada juga kadang-kadang polisi itu tidak diserahkan kepada orang kampung sehingga ada seorang broker yang menjalankan bagi pihak satu agensi memakai songkok macam saya ini. Jadi apakala diperiksa, apa sebab dia memakai songkok, adakah dia seorang lebai atau sebagainya, didapati bukan, tetapi dia pakai songkok kerana kepalanya penuh dengan luka-luka dan parut-parut. Fasal apa? Sebabnya kerana dia dipukul oleh orang-orang kampung, dihentam dengan kapak kecil dan sebagainya. Jadi oleh kerana malu kepalanya luka-luka dan banyak berparut-parut maka dengan sebab itulah dia pakai songkok. Ini adalah contoh seorang broker yang menjalankan pekerjaan mengutip insuran dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya sokong sangat apa yang disuarakan oleh Senator V. V. Aboo iaitu pihak Kerajaan dalam memindahkan undang-undang ini tidaklah boleh melepaskan sahaja perkara-perkara yang seumpama ini. Hendaklah broker-broker itu dikenakan lesen, kerana ini adalah keselamatan orang ramai. Ini berhubung dengan wang ringgit.

Kalau sekiranya broker-broker itu berleluasa menjalankan tindak-tanduknya dengan tidak dikawal dengan lesen, saya percaya perkara-perkara penipuan dan sebagainya tidak dapat diatasi. Maka dengan terlaksananya Rang Undang-undang pindaan yang baru ini, patutlah broker-broker yang menjalankan pekerjaan broker terhadap ajen-agen insuran itu mestilah mereka itu dikawal dengan suatu lesen ataupun sebagainya. Dan hendaklah menjadi satu kesalahan kepada mereka menerima wang dengan tidak ada resit yang rasmi kalau tidak maka saya percaya orang-orang kampung yang hatinya lurus akan terkorban lagi walaupun ada undang-undang yang baharu ini. Dan undang-undang pindaan yang baharu ini janganlah untuk membela kepentingan agensi-agensi itu sahaja supaya tidak kerugian, tetapi hendaklah juga membela kepentingan orang-orang kampung rakyat negeri ini supaya mereka itu tidak ditipu dan tidak lagi terkena aniaya oleh orang-orang yang menjalankan broker yang bertujuan tidak baik.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.54 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, syarikat insuran bolehlah ditafsirkan salah satu daripada institusi kewangan di negara kita yang mana perlulah kita mengawalnya dengan baik. Pindaan yang dibawa terhadap Akta Insuran, 1963 ini bukannya pindaan yang pertama, beberapa pindaan telah dibawa.

Saya masih ingat apabila Akta Insuran, 1963 dibawa dahulu oleh kerana undang-undang yang sebelum daripadanya tidaklah kemas dan saya percaya ramai sahabat-sahabat saya yang masih ingat pada satu masa dahulu pada tahun 1961-1962 yang mana banyak tumbuhnya syarikat-syarikat insuran yang digelar syarikat insuran cendawan begitu banyak. Saya masih ingat, saya juga terlibat untuk memansuhkan beberapa syarikat insuran itu. Dan sekarang ini kita telah mempunyai pengalaman selama 15 tahun sekurang-kurangnya di bawah Akta Insuran, 1963 dan kita dapati ada lagi kelemahan-lemahan yang patut kita perbaiki.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana membawa pindaan-pindaan ke Dewan yang mulia ini. Sebagai saya katakan tadi insuran adalah institusi kewangan dan perlu dikawal dengan rapi, kalau tidak banyak yang akan mengambil kesempatan seperti bank juga, syarikat insuran mesti dikawal. Dan saya lihat pindaan-pindaan yang dibawa di bawah Rang Undang-undang ini sangatlah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat insuran di negara kita ini di bawah jajaan selain daripada Menteri yang berkenaan juga di bawah Ketua Pengarah Insuran. Beliau dilantik di bawah Seksyen 35 (2) Akta Insuran oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Kalau boleh saya bandingkan satu lagi institusi kewangan iaitu bank, kawalan bank-bank adalah ditangan Bank Negara dan kalau kita mahukan syarikat-syarikat insuran ini dikawal dengan rapi, mestilah peruntukan yang penuh, yang kukuh, yang sempurna diberikan kepada orang yang mengawalnya iaitu Ketua Pengarah Insuran.

Di sini kita lihat dari tahun demi tahun perniagaan insuran makin berkembang. Orang ramai yang berkaitan dengan insuran makin bertambah, premium yang dikutip

oleh syarikat-syarikat insuran kian bertambah dan perlulah juga kawalan yang dijalankan oleh Ketua Pengarah Insuran itu mestilah sama berjalan dengan kekuatan yang sama. Kalau tidak, apa yang berlaku bahawa syarikat insuran itu maju dan jaya, tetapi Ketua Pengarah Insuran tertinggal kerjanya. Di sini bila saya lihat keupayaan Ketua Pengarah Insuran mengelolakan perkara ini, saya rasa sangsi sedikit, kerana setakat ini Ketua Pengarah Insuran adalah diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Sungguhpun beliau seorang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Seksyen 35 (2) Akta Insuran. Saya percaya kakitangan yang membantu beliau sangatlah sedikit—tidak mencukupi.

Saya tidak tahu berapa orang di bawah jagaan beliau yang mempunyai kelayakan professional yang boleh mengelolakan perkara ini.

Saya suka hendak tahu berberapa orang actuary yang ada berkhidmat di dalam jabatan beliau, kerana tidak ada actuary, barangkali susah bagi beliau hendak mengetahui kedudukan sebenar yang dilakukan oleh syarikat-syarikat insuran yang mengambil insuran nyawa. Jadi kalau kita sediakan undang-undang yang begini baik, tetapi kita tidak sediakan bersama-samanya kelengkapan yang patut, iaitu kakitangan yang mencukupi pegawai-pegawai yang terlatih, maka sukarlah bagi sesiapa juga yang menjadi Ketua Pengarah Insuran hendak menadbirkan undang-undang ini.

Seperti saya katakan tadi tahun demi tahun perniagaan insuran ini makin berkembang bukan sahaja kepada syarikat-syarikat tempatan, tetapi juga kepada syarikat-syarikat yang bermastautin di luar negara ini. Mereka juga mendapat keuntungan dalam bidang ini. Saya tidak hendak mengesyorkan supaya dimiliknegerakan syarikat-syarikat insuran—tidak, tetapi saya mahu supaya kawalan rapi yang kita beri kuasa kepada Ketua Pengarah Insuran dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka mengesyorkan bahawa mungkin masanya sudah sampai iaitu pentadbiran Jabatan Insuran ini yang di bawah Kementerian Kewangan dipindahkan. Patut ia menjadi satu badan bebas, satu authority seperti Bank Negara yang mengelolai berkenaan dengan

bank-bank. Patut kita adakan satu Insurance Authority yang diketuai oleh pegawai yang mungkin sekarang Ketua Pengarah dipindahkan ke sana untuk mengelolai hal ehwal insuran. Kalau kita tidak berbuat demikian maka sukar pada pendapat saya bagi Ketua Pengarah seperti yang ada sekarang ini mendapat pegawai-pegawai yang terlatih dan yang mencukupi kerana saya difahamkan kalau mengikut sistem yang ada ini siapa juga pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada Jabatan Insuran ini sudah tentu terpaksa terikat dengan gaji biasa yang diberi oleh Kerajaan. Seperti yang kita tahu gaji ataupun imbohan yang diberi oleh swasta dalam insuran lebih jauh, lebih besar daripada yang diberi oleh Kerajaan dan kalau kita hendakkan orang yang terlatih terpaksa kita memberi imbohan ataupun upahan mengikut kadar. Inilah sebabnya kalau kita ada satu badan bebas, satu badan berasingan, Insurance Authority seperti yang saya syorkan tadi mungkin badan ini boleh memperolehi tenaga-tenaga yang cukup dan yang terlatih seperti yang dikehendaki ini.

Saya khawatir kalau kita hendak bayar kepada seorang Actuary yang mempunyai kelulusan dengan bayaran yang biasa dibayar kepada pegawai Kerajaan, katalah, Superscale B sekalipun ataupun Superscale A, mungkin kita tidak dapat orang itu. Sebenarnya seorang Actuary itu ialah satu rare commodity, bukan sahaja di negara kita tetapi banyak di negara-negara yang maju semuanya berebut hendakkan orang yang sedemikian dan kita perlulah untuk menjaga kebaikan negara kita sanggup membolehkan supaya penjaga insuran kita ini mempunyai kekuatan dan kakitangan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Rang Undang-undang ini saya lihat banyak perkara-perkara yang sangat baik dan yang sudah patut diletakkan dalam Akta Insuran kita. Saya juga lihat pindaan kepada seksyen 3 yang menaikkan jumlah wang yang diperlukan bagi penginsuran-penginsuran am menunaikan tanggungan-tanggungan kepada \$1 juta atau 15% daripada pendapatan premium bertulisnya dalam tahun kewangan sebelumnya sangatlah baik. Kalau kita kajikan daripada premium-premium yang syarikat-syarikat ini memperolehi saya rasa patut sangat mereka juga bertanggungjawab membantu negara kita. Ini bukan kerana apa, di bawah Fasal 3 ini untuk mempertahankan supaya syarikat-syarikat itu berjalan dengan betul.

Saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kepada premium-premium yang dikutip sungguhpun saya mempunyai hanya Laporan Ketua Pengarah berakhir tahun 1975, mungkin ada angka-angka yang selepas daripada itu tetapi nampaknya inilah sahaja naskhah yang terakhir sekali yang saya dapat daripada Perpustakaan Parlimen kita, mungkin ada yang terakhirnya saya tak tahu-lah, tetapi izinkan saya memetik sedikit menunjukkan beberapa, umpamanya, premium yang telah dikutip oleh syarikat-syarikat insuran ditubuhkan di dalam negeri dan bukan di dalam negeri. Saya baru diberi satu laporan yang terakhir, berakhir 31hb Disember, 1976 eloklah saya tengok sebentar, tengok kalau ada bezanya dari kutipan premium samada telah bertambah baik atau sebaliknya. Saya cuma hendak membandingkan premium-premium yang dikutip daripada syarikat-syarikat insuran yang ditubuhkan di dalam Malaysia dan yang di luar Malaysia. Ini saya rujukkan kepada Jadual G (I) di dalam Laporan Kedua Pengarah Insuran pada 31hb Disember, 1976. Sungguhpun laporan ini berakhir 31hb Disember, 1976 tetapi kebanyakan daripada kompeni-kompeni itu berakhir pada tahun 1975 ataupun pertengahan tahun 1976. Premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat dalam negeri nampaknya \$89.5 juta berbanding dengan syarikat-syarikat ditubuhkan daripada luar negeri mengutip premium sebanyak \$136.8 juta. Kalau kita tengok pada laporan yang sebelum daripada itu angkanya daripada dalam negeri sebanyak \$69.9 juta berbanding daripada syarikat luar negeri yang mengutip premium sebanyak \$134.3 juta. Nampaknya kedudukan bertambah baik dan ini adalah dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Ketua Pengarah Insuran yang ada yang mana saya memberi tahniah dan sekalung bunga kepada beliau supaya syarikat-syarikat yang ditubuhkan dalam negara kita mendapat peluang perniagaan yang lebih dari yang sepatutnya daripada syarikat-syarikat lain.

Saya juga sedar di dalam beberapa tahun yang lepas ini arahan-arahan telah dibuat bagi syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar negeri supaya membawa pelabur-pelabur tempatan mengambil-alih dan mungkin ini sebabnya yang pindaan dibuat kepada seksyen (5A) kalau tak salah saya ataupun Fasal 4 di dalam Rang Undang-undang ini. Sebenarnya, bila saya lihat seksyen (5A) yang baru ada di dalam Rang Undang-undang ini nampaknya

seksyen (5A) ini menghidupkan semula seksyen (5A) yang lama yang telah kita mansuhkan mengikut Akta A. 294 tahun 1975. Saya pun tak tahu apa sebabnya mungkin pihak Kerajaan telah mengkaji bahawa seksyen (5A) yang lama itu ada lebih baik dan nampaknya word for word dihidupkan semula, mungkin ada sebabnya. Saya sukalah kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan kerana bila kita pinda seksyen (5A) yang lama dahulu serupa juga apa yang tertera di dalam Rang Undang-undang ini yang mana pada masa itu kalau ada syarikat-syarikat yang tidak bersetuju ataupun yang mana pada masa itu mengikut Fasal lama (5A) itu kalau Ketua Pengarah berpuashati yang pemohon telah memenuhi semua kehendak-kehendak seksyen ini, maka dia bolehlah merujuk permohonan itu kepada Menteri dan jikalau Menteri mengarahkan maka Ketua Pengarah tidak akan mendaftarkan pemohon itu. Tetapi kalau kita tengok Seksyen (5A) yang lama yang mana kalau pemohon itu tidak berpuashati dengan perintah yang dibuat oleh Ketua Pengarah dengan menolak permohonannya iaitu samada permohonan berkaitan dengan perniagaan nyawa ataupun am atau kedua-duanya, maka bolehlah ia dalam tempoh 60 hari selepas ditolak oleh Ketua Pengarah membuat rayuan kepada Menteri yang mana keputusannya adalah muktamad. Jadi, saya pun tidak berapa mengerti apakah sebabnya kita pinda daripada awal kepada yang saya sebutkan tadi, selepas itu kita balik kepada asal. Mungkin adakah ini hendak memenuhi Dasar Ekonomi Baru ataupun apa sebabnya. Walau bagaimanapun, itu salah satu pindaan yang baik. Saya lebih suka kepada pindaan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini.

Seperkara lagi yang saya suka minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah berkenaan Fasal 6 yang mana ini mengadakan satu seksyen baru iaitu Seksyen 6B yang bertujuan supaya seseorang penginsuran mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Pengarah untuk menjalankan perniagaan insuran yang berkaitan dengan pelaburan (investment-linked insurance business). Di sini saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada perkara sedemikian telah selalu disalahgunakan atau sebaliknya oleh syarikat-syarikat kita yang ada. Kalau itulah sebabnya yang mana pindaan dibawa eloklah jikalau dibuat sedemikian.

Puan Rafidah Aziz: Untuk penjelasan. Fasal berapa Yang Berhormat?

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Fasal 6 di bawah Rang Undang-undang ini berkaitan dengan satu seksyen baru iaitu Seksyen 6B.

Saya juga lihat di bawah Fasal 7 Kerajaan untuk mendapatkan wang yang lebih banyak telah mengenakan pada tiap-tiap syarikat insuran di sini melaburkan di dalam government security dan ini nampaknya telah dinaikkan daripada 15% yang sekarang ini, kalau tidak salah saya, hinggalah kepada 25% akhirnya pada tahun 1982. Ini saya bersetuju kalau kita hendak membanyakkan wang Kerajaan untuk membiayai projek-projek pembangunan maka ini adalah satu sumber yang baik bagi Kerajaan mendapatkan wangnya dan saya rasa syarikat-syarikat insuran yang jarang sangat kita dengar rugi patutlah mereka sama membantu untuk membangunkan negara.

Saya hendak menyentuh satu lagi perkara iaitu berkenaan Fasal 8 di dalam Rang Undang-undang ini berkaitan dengan Seksyen 11A yang baru. Ini berkaitan dengan sekatan-sekatan bagi pembayaran dividen ataupun advance, loan and credit facility kepada Pengarah-pengarah Insuran. Saya suka bertanya di sini berkenaan Fasal 8 iaitu 11A (1) (c) (i) yang mana disebutkan dalam bahasa Inggeris—nampaknya tidak ada dalam Bahasa Kebangsaan:

“11A. (1) No insurer shall:

(c) except in such special circumstances and in such amounts as the Director General may allow, grant an advance, a loan or a credit facility:

(i) to any of its directors other than an advance or a loan secured by a policy of insurance held by the director;”

Saya suka bertanya di sini sungguhpun ada kemudahan yang mana boleh diberikan pinjaman dan sebagainya kepada seorang Pengarah Syarikat Insuran itu berasaskan kepada policy of insurance held by the director, saya suka mendapat penjelasan di sini patutkah kita benarkan advance itu berasaskan kepada policy of insurance yang dikeluarkan oleh syarikat itu sendiri. Maknanya kompeni itu sendiri mengeluarkan polisi insurans. Saya rasa kalau dia hendak mendapat kemudahan di bawah Seksyen 11A. (1) (c) (i) patutlah

polisi itu dikeluarkan oleh satu polisi, bukannya daripada syarikat itu sendiri tetapi daripada syarikat yang lain. Kalau tidak, tidak usah diberi, mungkin ini boleh disalahgunakan. Maknanya, dia keluaran sendiri polisi itu. Jadi, ini tidak berapa jelas di dalam fasal ini, dan saya harap Ketua Pengarah Insuran kalau dia hendak memberikan kuasa-kuasanya mestilah menyedari, janganlah kita membenarkan jikalau seseorang itu memberi sebagai cagarannya polisi yang dikeluarkan oleh syarikatnya sendiri.

Perkara-perkara lain yang ditimbulkan di dalam Rang Undang-undang ini seperti juga perkara-perkara biasa yang dikenakan kepada pengarah-pengarah bank iaitu tidak bolehlah kita pinjam tanpa cagaran dan sebagainya, ini saya sokong dan saya rasa patut dikenakan peruntukan-peruntukan yang sama, peruntukan-peruntukan yang ketat supaya Pengarah-pengarah Insuran ini tidak mengambil kesempatan dan ini saya sokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak menyentuh fasal-fasal yang lain di bawah Rang Undang-undang ini kerana pada keseluruhannya pindaan-pindaan ini adalah pindaan-pindaan yang membina dan yang akan mengukuhkan lagi kedudukan insuran di negara kita dan menjamin supaya institusi insuran di negara kita ini akan hidup dengan baik dan juga bertanggungjawab.

6.18 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bukan sahaja memberi komen-komen, pendapat-pendapat dan juga syor-syor yang begitu berfaedah dan berguna tetapi juga yang telah menyokong Bil ini.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dirujuk secara khusus oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu dan kemudian itu, dengan izin, saya ingin menyentuh satu perkara yang saya rasa telah dibangkitkan boleh dikatakan oleh sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya mengenai kegelisahan dan rasa tidak puas hati terutamanya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Husain mengenai kenaikan kadar premium, itu saya akan terangkan kemudian sebagai satu perkara umum.

Izinkan saya menyentuh tiap-tiap komen yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah mengatakan tentang pendaftaran yang mesti dirujuk kepada Menteri, yakni tindakan ini tidak cukup. Kata beliau Ketua Pengarah mestilah faham tentang dasar Kerajaan dan saya ingin menegaskan bahawa ini memang sentiasa diawasi. Ketua Pengarah dan juga pihak Menteri adalah sangat bertanggungjawab bahawa apa juga tindakan yang diambil untuk mendaftar mana-mana juga syarikat insurans baik broker dan penyalaras misalnya, adalah kita berlatarbelakangkan kepada dasar Kerajaan pada umumnya. Maka tidaklah payah Ahli Yang Berhormat ragu dan kita menjamin ini akan sentiasa diawasi.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Yaacob dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal penyertaan bumiputra di dalam industri insuran, bukan sahaja dari segi banyaknya jumlah atau bilangan syarikat insuran tetapi dari segi penggunaan pekerja bumiputra dan sebagainya dalam syarikat insuran dan juga membangkitkan masalah latihan. Di sini inginlah saya memberi perangkaan mengenai kedudukan syarikat insuran yang ada di negara kita. Sekarang ini terdapat 69 syarikat insuran yang mana 4 daripadanya tidak lagi menjalankan apa-apa perniagaan. Selain dari itu terdapat 37 syarikat asing, 31 syarikat tempatan. Daripada 37 syarikat asing itu 7 menjalankan aktiviti insuran nyawa, 4 menjalankan insuran nyawa dan umum, 34 menjalankan kegiatan insuran umum (general). Bagi 31 syarikat tempatan pula hanya satu yang menjalankan syarikat insuran nyawa, 10 menjalankan insuran nyawa dan umum dan 20 lagi menjalankan syarikat umum sahaja. Itu kedudukannya.

Dari segi penyertaan bumiputra dalam saham dan pekerjaan, kita dapati dalam seluruh syarikat insuran yang ada di sini penyertaan bumiputra adalah sebanyak 28% daripada jumlah equity di dalam syarikat-syarikat insuran dan 6 daripada syarikat insuran kita mempunyai tiap-tiap satu lebih daripada 51% penyertaan bumiputra. Dari segi pekerjaan kita dapati jumlah gunatenaga bumiputra dalam syarikat insuran ialah sebanyak 39% (dari segi total employment), dan dari segi pekerja-pekerja executive kita dapati 26% bumiputra. Itu adalah kedudukannya untuk penjelasan kepada perkara yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu samada bumiputra kita telah banyak terlibat di dalam industri insuran atau tidak.

Berkenaan latihan, inginlah saya menjelaskan bahawa satu daripada institusi pelajaran tinggi kita iaitu Institusi Teknologi MARA telah dan sedang mengadakan kursus-kursus professional untuk melatih executive dan juga professional di dalam bidang insuran dan sukacita saya menyatakan bahawa di dalam kursus-kursus yang lepas boleh dikatakan semua daripada graduan-graduan adalah bumiputra. Ini adalah satu daripada perkara yang boleh menambah bilangan bumiputra kita di peringkat executive. Selain daripada itu ada syarikat insuran dengan inisiatif sendiri menjalankan dan menganjurkan (sponsor) latihan untuk pekerja-pekerjanya. Begitu juga diharap akan dilancarkan dengan secepat mungkin pusat latihan atau insurance training centre untuk melatih kakitangan insuran bagi industri insuran.

Begitu juga Senator Tuan Haji Ibrahim Yaacob dan Ahli-ahli yang lain telah membangkitkan masalah mengenai tuntutan-tuntutan (claim) tidak dibayar dengan segera. Saya ingin menyatakan ini adalah diusahakan oleh Bahagian Insuran supaya mendesak syarikat-syarikat itu menyelesaikan dan menyelesaikan segala tuntutan dengan secepat mungkin dan jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui di mana tuntutan itu sengaja dilengahkan tanpa alasan, silalah beritahu kepada pihak Jabatan supaya dapat diteliti, kerana kadang-kadang ada kalanya kelewatan berlaku tidak disengajakan, tetapi kalau nampak nyata dengan bukti disengajakan, silalah beritahu. Begitu juga tentang soal mengawal broker. Ini inginlah saya menyatakan bukanlah kita melesen broker-broker dengan begitu sahaja, tetapi tiap-tiap permohonan lesen broker itu adalah disemak dan hanya mereka yang didapati patut dilesen akan dilesenkan. Namun demikian adalah dasar Kerajaan sekarang supaya buat masa ini kita tidak hendak lagi mengeluarkan lesen-lesen broker kerana Kerajaan sekarang ini cuba meninjau dengan teliti sektor broker insuran ini supaya tidak terlalu banyak atau terlalu ramai dan kita meninjau cara-cara perjalanannya. Sekarang ini adalah dibekukan dahulu permohonan-permohonan untuk lesen broker.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah telah mengkaji soal excess. Ini saya akan jawab apabila saya menyentuh semua perkara-perkara lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Nong Chik menyebut tentang kenyataan penglibatan bumiputra, saya telah diberi perangkaannya. Begitu juga beliau bangkitkan soal premium dan excess, saya akan terangkan kemudian. Ketiga, beliau bangkitkan soal ada syarikat yang tak mahu menginsurankan motokar, kenderaan, bas atau lori. Inilah satu daripada syarat yang dikenakan kepada syarikat insuran apabila Kerajaan membenarkan kenaikan premium. Tidaklah lagi boleh mana-mana syarikat yang menjalankan kegiatan insuran am (general insurance) yang mana terlibat insurance motor hendak memilih-milih iaitu pilih mana yang baik sahaja, mana yang tinggi riskonya ditolak. Tidak lagi dibenarkan kerana ingin saya menegaskan bahawa mereka dilesenkan sebagai syarikat insuran am dan mereka diberi lesen dengan penuh pengetahuan bahawa mereka akan menghadapi berbagai jenis risiko. Ada risiko rendah dan ada risiko yang tinggi. Maka tidak adil kalau ada syarikat insuran yang tak mahu insurankan teksi, Lori atau bas, semata-mata kerana di kalangan ini yang banyak kemalangan berlaku maka ditolak sahaja insurannya. Maka ini adalah satu syarat yang dianggap semua syarikat insuran am akan mematuhi kerana lesen mereka untuk insuran am dan mereka bertanggungjawab untuk menjalankan urusan seperti yang dilesenkan itu.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain-lain yang menyatakan perniagaan insuran itu tidak rugi, saya inginlah menunjukkan beberapa perangkaan bahawa syarikat-syarikat, terutamanya insuran motor adalah sedang menghadapi aliran keadaan perniagaan yang semakin merosot. Misalnya, mengikut perangkaan yang kita dapati dalam tahun 1973 mereka keseluruhannya telah rugi \$6 juta, tahun 1974 mereka telah rugi \$16 juta dan tahun 1975 kerugian \$25 juta. Ini adalah kerugian pada keseluruhan industri insuran dan didapati bahawa kerugian ini sebenarnya sebahagian besar diakibatkan oleh kerugian dalam sektor insuran motor yang menyebabkan kerugian begitu besar.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin telah membangkitkan soal agen-agen dan syarikat tidak memenuhi tanggungjawab dan juga akibat mereka tidak memberi maklumat penuh atau menyelewengkan seperti yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat yang lain. Ini pula ditambah dengan pemegang-pamegang atau bakal pemegang polisi tak tahu-menahu hal ehwal insuran, hanya bergantung kepada apa yang diceritakan oleh ejen: ini baik, itu baik dan sebagainya, maka dibeli insuran tanpa dia mengetahui apakah implikasinya. Perkara ini memang telah dibangkitkan oleh pihak-pihak seperti Ahli Yang Berhormat bawakan iaitu di mana agen telah mengambil premium tak disampaikan kepada syarikat, agen melambatkan-batarkan bayaran, agen bayar risik dengan nama sendiri, dengan tidak tahu-menahu oleh syarikat. Maka bila datang tanggungan, syarikat menolak, dikatakan tak kena-mengena dengannya.

Maka itulah sekarang ini telah dibawa pindaan-pindaan tertentu supaya menjadi tanggungjawab kepada syarikat-syarikat insuran supaya menentukan dengan khusus apakah yang dipanggilkan atau dianggap authorised agent atau agen yang dibenarkan. Maka bukanlah terpuang kepada Kerajaan untuk menyatakan demikian kepada syarikat insuran. Pada pandangan saya Kerajaan boleh buat demikian, tetapi rasa saya tanggungjawab menentukan agen mana yang patut diiktiraf sebagai agen dibenarkan itu terpuanglah kepada syarikat-syarikat insuran. Maka dalam pindaan ini kita katakan kalau orang itu ditakrif sebagai agen yang dibenarkan, kalau dia buka mulut dan mengatakan, "saya agen yang dibenarkan dan saya akan kutip premium awak dan beri risik" dan sebagainya, maka dianggap oleh undang-undang ini sudah serupalah seperti syarikat itu yang bercakap. Maka terpuanglah kepada syarikat sekarang ini menentukan apakah yang ditakrifkan sebagai authorised agent samada dia hendak bawa kad, ada syarat-syaratnya dan sebagainya. Itu terpuang kepada industri insuran yang akan berunding dengan Jabatan supaya ini menjadi pengetahuan umum dan supaya orang umum yang hendak mengambil polisi insuran tidaklah bersikap bila datang sahaja orang dengan membawa brief case mengatakan dia agen insuran diterima begitu sahaja. Akan ada alasan-alasan tertentu mengatakan ia authorised agent dan dia boleh menunjuk apa authority yang dia menjadi agent. Ini saya harap akan dibuat dengan secepat mungkin oleh pihak industri. Kami telah memberi

tahu bahawa ini tanggungjawab industri menentukan secepat mungkin supaya bakal pemegang polisi tidak lagi tertipu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmood yang mana beliau membangkitkan soal broker. Itu bukan broker rasa saya kerana broker memang ada lesen dan broker bukan kerjanya pergi ke kampung-kampung misalnya suruh orang mengambil insuran. Itu rasa saya adalah agent atau sub-agent atau ajen kecil. Dia sahaja panggil diri broker, kerana broker itu berlesen dan ada tugas-tugas tertentu. Maka inilah perkara-perkara yang Rang Undang-undang baharu ini hendak cuba memperbaiki. Kalau ada beberapa syarikat yang sengaja mengelakkan tanggungjawab seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat silalah memberi bukti-bukti kepada Ketua Pengarah supaya bolehlah kita teliti dan kalau didapati perlu mengambil tindakan ke atasnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid telah membangkitkan soal orang-orang awam di kampung tidak faham apakah perkara yang terlibat di dalam mengambil sesuatu insurans. Rasa saya ini bukan berlaku di kampung-kampung sahaja bahkan di bandar inipun rasa saya, di kalangan kita sendiri juga, saya sendiri termasuk, mungkin tidak faham keseluruhan implikasi insuran. Saya kalau mengambil insuran nyawa kalau disebut perkataan "profit participation" dan begitu-begini, saya tidak faham kerana ini perkara teknikal. Rasa saya sangat-sangat perlu bukan sahaja kepada kita sebagai pengguna mengambil tahu apa benda yang kita hendak beli itu tetapi adalah tanggungjawab agen dan syarikat memberi maklumat penuh kepada orang yang hendak dicarinya itu sebagai bakal pemegang polisi.

Kerana kita tahu ada agen-agen yang tidak memberi maklumat penuh, dia ceritakan yang baik sahaja, seperti menyatakan "awak ada bonos 30%" tetapi dia tidak katakan kalau hendak mendapat bonos sebanyak itu premiumnya lebih besar, mungkin lebih baik tiada bonos. Jadi, ini tidak diceritakan penuh. Maka rasa saya ini tanggungjawab Kerajaan memperbaikinya maka sebab itulah dalam undang-undang ini memperketatkan beberapa peruntukan mengenai agen dan sebagainya supaya kita sebagai pengguna ada kekuatan untuk berpegang bagi menjamin kepentingan kita. Namun demikian, terpulang kepada kita samada percaya atau tidak kepada orang itu atau hendak mengambil tahu dengan berat

apakah yang kita hadapi bila membeli insuran.

Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad telah membangkitkan soal insurans untuk pekerja. Kita sudah ada SOCSO untuk menjamin keselamatan pekerja. Namun demikian, kita akan meninjau lain-lain cadangan Yang Berhormat itu. Soalan tentang ada orang atau syarikat yang membakar kedai atau membakar faktori, membakar kereta, di sini adalah merupakan kegiatan jenayah, tidak lagi dalam bidang kuasa orang yang mengelola insuran. Kalau ada dibuat begitu, dibukti oleh pihak polis yang dia membakar kereta dengan sengaja dia akan dibawa ke mahkamah atas tindakan jenayah bukan lagi melanggar undang-undang insuran. Begitu juga tentang syarikat insuran yang tidak mahu membayar hospital bil dan sebagainya, kalau ada bukti, silalah kemukakan, mungkin ada berlaku tetapi susahlah bagi pihak Jabatan mengambil tindakan jika tiada tahu di mana berlaku.

Tentang syarikat insurans membawa untungnya ke luar yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mengatakan mesti kita galakan orang itu melabur semula di sini, ini memang benar. Tetapi asalkan kita ada memberi kesempatan untuk dia melaburkan semula, saya rasa pasti dia akan melaburkan semula. Namun demikian, dalam Akta Insuran ini telah ada peruntukan yang mengatakan semua syarikat insuran mesti melaburkan 80% daripada hartanya di sini. Jadi kalau hendak bawa keluar pun yang baki sahajalah. Dalam undang-undang inipun sudah ada mengatakan sebahagian besarnya mesti diletakkan di dalam negara ini. Jadi untuk mengelak dari yang baki dibawa keluar mestilah ada peluang-peluang baik untuk mereka menjalankan pelaburan semula. Tentang mengambil alih syarikat-syarikat asing oleh orang-orang tempatan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka adalah satu dasar Kerajaan untuk menggalakan dan mendorong syarikat-syarikat insuran asing untuk menjalankan restructuring atau menyusun semula syarikat mereka supaya memindahkan syarikat mereka di sini dengan menubuhkan syarikat tempatan dengan penyertaan orang tempatan khususnya Bumiputra. Ini adalah dasar yang dijalankan oleh pihak Kementerian dan pihak Jabatan.

Yang Berhormat Tuan Vellayappa dan Tuan V. V. Aboo ada membangkitkan soal

ajen. Saya telah terangkan ini tadi dan saya yakin bahawa kalau industri itu sendiri dapat mengadakan guideline tentang ajen yang dibenarkan, saya rasa lebih baiklah kaitan antara ajen dengan pengguna. Tentang syor kalau orang itu meninggal dunia dan setelah diberi sahaja death certificate atau sijil mati, dalam dua minggu mesti bayar kalau tidak bayar mesti ada 2% interest, ini kita akan tengoklah samada kemungkinan boleh dibuat atau tidak dan akan saya bawa kepada perhatian Yang Berhormat Mulia Menteri.

Yang Berhormat Datuk Dr C. Sinna-durai, Tuan Kamarul Ariffin dan juga yang lain-lain membawa perkara implimentasi undang-undang ini iaitu undang-undang ini bagus dan boleh diimplimentasi dengan baik kalau ada kuasa dan juga tenaga berbuat demikian, ini sangatlah berkaitan dengan tenaga pekerja yang ada. Saya inginlah menegaskan di sini setakat ini ada usaha untuk membesarkan Insurance Division di Kementerian tetapi masa ini Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerana Jabatan ini adalah satu Jabatan yang kecil; tarafnya di bawah Kementerian, maka semua pengambilan tenaga seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi memanglah tertakluk kepada P.S.D. Kalau hendak buat allocation tahun depan dan kalau hendak dapat specialised staff semuanya hendak P.S.D. meluluskan. Syor oleh Yang Berhormat samada Bahagian Insuran ini patut dijalankan seperti Bank Negara, ini saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Mungkin ada, rasa saya unsur-unsur positif di dalam syor ini kerana kalau kita ada undang-undang yang begitu baik tetapi disekat atau ditahankan implimentasinya dengan cara positif semata-mata kerana tiada orang hendak menjalankannya pun tidak berguna. Saya sangatlah sedar perkara ini dan akan membawanya untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak selain daripada kesalnya di atas kenaikan premium telah juga membangkitkan soal kalau sudah diinsurankan motorkar itu sebanyak \$50,000 untuk setahun, kalau hilang kereta itu mengapa tidak bayar penuh \$50,000. Ini kerana bila kehilangan atau kebakaran berlaku maka taksiran untuk dibayar balik mesti berasaskan kepada nilai benda itu pada waktu berlaku kebakaran atau kehilangan itu. Misalnya, kereta itu diinsurans \$50,000 semasa baharu kalau kena curi se-

tahun kemudian sudah tentu kereta yang hilang setahun kemudian itu takkan nilainya sama, maka nilai pasaran dikira itulah sebab kurang sedikit. Tentang polisi-polisi yang terlepas tempohnya kerana tidak dibayar premium, saya bersetuju benar dengan apa Ahli Yang Berhormat kata tadi. Kadangkadangkang kita ini terlupa. Kita patut bayar tiap-tiap bulan polisi pada satu haribulan, kemudian enam haribulan belum bayar lagi, apa yang berlaku sekarang ialah polisi itu akan lapse, satu haribulan tidak bayar, dua haribulan tidak bayar, automatic dia lapse. Maknanya kita lupa bukan tidak hendak bayar, dan pada enam haribulan datang satu surat mengatakan yang polisi awak sudah luput (lapsed) kerana tidak bayar "in time" atau pada masanya. Sebenarnya, saya baharu minggu lepas menghadapi surat "lapsed" ini dan agaknya kebetulan syarikat ini bila dia tengok nama Rafidah Aziz, baharu dia teringat Timbalan Menteri Kewangan yang kebetulan menjaga insuran, besok pagi ajen itu talipon saya mengatakan, "Yang Berhormat, polisi Yang Berhormat sudah lapsed. Saya akan hantar surat untuk reinstate polisi Yang Berhormat." Kalau tidak saya Yang Berhormat agaknya polisi saya lapselah. Jadi sayapun sains chek, sign form reinstatement. Kalau tidak rugilah beberapa tahun yang saya telah bayar, rugi tidak fasal begitu sahaja. Ini kalau berlaku kepada saya, berlaku lebih lagilah kepada orang-orang yang lain.

Oleh itu, kita akan ambil perhatian tentang sistem "lapse" ini. Kalau dia sudah 6 bulan tidak bayar saya faham, tetapi kalau baru seminggu belum bayar akan lapse juga saya sendiri tidak setuju. Bukan saya hendak membela sesiapa, tetapi ini sebagai pengguna, tidak betul. Insya Allah, saya akan tinjau perkara ini dan minta Ketua Pengarah Insuran menengokkan.

Tentang insuran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat V. V. Aboo tadi, syarikat insuran nyawa tidak beri pinjaman untuk membeli rumah, ini terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Tiap-tiap syarikat insuran itu ada "package dealnya", masing-masing cuba hendak menarik customer. Jadi ada yang beri pinjaman perumahan dan sebagainya, terpulanglah kepada individu. Kalau rasanya syarikat ini tidak ada memberi faedah atau tidak boleh dapat faedah yang banyak, tak usah ambil insurannya dan pergi

kepada syarikat insuran lain yang mempunyai "terms" yang lebih baik.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin telah membangkitkan soal syarikat tempatan menjadi lebih kuat dengan premiumnya yang lebih tinggi. Ini adalah harapan kita supaya mereka akan mengambil bahagian lebih banyak di dalam underwriting insurance negara ini dan lebih berkesan perniagaan mereka setanding dengan syarikat-syarikat luar negeri.

Mengenai dengan perubahan atau pindaan di mana mesti merujuk kepada Menteri di dalam soal pendaftaran, ingin saya menjelaskan. Ada kalanya apabila kita hendak mendaftarkan satu lagi syarikat insuran, syarikat broker dan sebagainya perlu dirujuk kepada Menteri kerana mungkin akan menyentuh soal dasar. Maka itu sebabnya dikehendaki "leeway" tadi supaya Ketua Pengarah apabila sudah menerima dia merujuk balik kepada Menteri supaya menimbangkan. Kalau ada menyentuh dasar mungkin perlu didaftarkan, kalau tidak mungkin tidak perlu didaftarkan. Tentang Fasal 6B iaitu mengenai pelaburan "investment linked", ini ialah kerana dalam masa-masa yang lepas didapati ada syarikat insuran oleh kerana tidak dikawal jenis pelaburannya selain pelaburan kepada agensi-agensi Kerajaan, mereka telah melaburkan di mana suka. Ada pelaburan yang risikonya sangat tinggi dan menggugat kedudukan kewangannya, maka inilah sebabnya kita adakan Fasal 6B ini supaya kita dapat teliti di mana dia pelaburkan wangnya tadi supaya tidaklah diperlaburkan kepada pelaburan-pelaburan yang risikonya tinggi dan yang semata-mata spekulasi.

Begitu juga tentang Fasal 11A (1) (c) (i) tadi, ini akan diteliti dari segi administrative. Apabila dirujuk kepada Ketua Pengarah apabila hendak diberi pinjaman atas polisi itu, maka Ketua Pengarah akan meninjau polisi itu dari syarikatnyakah atau syarikat lain. Budibicara Ketua Pengarah "prevail", dan kita akan meneliti dengan benar-benar supaya bila diberi kebenaran itu tidak akan menjejaskan atau membangkitkan soal "vested interest" di dalam syarikat ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh soal premium yang saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan, melainkan satu dua orang sahaja yang tidak. Saya faham benar apabila dinaikkan apa juga di negara

kita ini samada harga atau kadar premium, riaksi pertama kepada orang awam ialah rasa gelisah dan marah. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa setakat yang saya tahu pada hari ini juga ada kekeliruan tentang fahaman terhadap kenaikan kadar premium sekarang. Izinkan saya memberi contoh supaya terang kerana saya rasa penerangan ini sangat penting, kalau tidak berbangkit lagi cerita about kegelisahan ini. Saya memberi contoh, sebuah teksi yang mengambil insuran Third Party. Kalau mengikut dokumen insuran ini hanya dituliskan di sini "premium \$1,026" yang lain tidak ditulis.

Bagi pemilik teksi ini menganggap premiumnya ialah \$1,026 padahal premium sebenar untuk teksi ini ialah hanya \$171. Di mana datang perbezaan di antara \$171 dengan \$1,026. Perbezaan sebanyak \$885 itu ialah loading sebanyak 500%. Maka apabila Kerajaan membenarkan kenaikan-kenaikan, yang baharu lepas ini iaitu dikatakan public taxi, Third Party naik 100% bukan maksud Kerajaan menaikkan \$1,026 dua kali ganda, bukan. Kerajaan menaikkan premium asas \$171 dua kali ganda. Maka salah tafsiran orang awam inilah yang membawa kekeliruan. Mereka hanya bergantung kepada apa yang ditulis. Kalau kompani menyatakan premium \$1,026 mereka anggap itulah premium, dan ini tidak betul. Itu adalah premium yang telah ditokok-tambah 500 kali ganda, 400 kali ganda, atau berapa ratus kali ganda mengikut suka hati syarikat.

Apa keadaan yang ada sekarang ialah ada satu set tariff premium yang dibenarkan. Dahulu sebelum kenaikan baharu ini ada untuk teksi sekian banyak, untuk kenderaan lain sekian banyak. Maka Kerajaan menimbangkan atas desakan, bukan macam kata Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi wanita ini lembut benar, senyum sahaja dan benarkan. Janganlah alang-alang dipandang wanita ini. Saya marah benar kalau menyentuh wanita. Tetapi desakan ini yang telah ada semenjak 5 tahun dan telah didapati bahawa dalam masa-masa yang lepas ini kadar premium \$171 ini, \$120 dan sebagainya terlalu tidak memadai. Oleh kerana tidak cukup, itulah sebabnya syarikat seperti ini di samping premium asas \$171 syarikat tambah \$800 loading. Baiklah katanya, Kerajaan tidak menaikkan yang \$171 maka akan ditambah loading yang mana Kerajaan belum pernah

kawal. Maka sekarang Kerajaan menimbangkan kalau begini keadaannya bayaran tokok-tambah yang melulu ini dibuat di samping premium asas yang telah dibenarkan ada kalanya 100%, ada kalanya 85% dan ada kalanya 50%. Maka Kerajaan bercadang dan bersetuju menaikkan premium, misalnya \$171 basic ini tadi mengikut peraturan-peraturan yang baharu dan dengan itu memenuhi satu daripada keperluan besar syarikat yang mana dikatakan kadar dahulu tidak cukup, maka kita naikkan kadarnya. Dan dengan kenaikan kadar ini juga dikenakan beberapa syarat iaitu pertama, mereka tidak boleh pilih kasih seperti yang saya katakan tadi.

Kedua, excess ke atas polisi Akta tidak boleh dikenakan dan ketiga kita telah beritahu, kita akan tinjau semula soal loading ini. Kalau dahulu tidak cukup premiumnya, ditokok-tambah dengan loading sekarang ini premium telah dinaikkan, mengapakah mereka hendak loading macam dahulu lagi? Maka kami telah mengadakan perbincangan dalam minggu ini dengan persatuan teksi dan persatuan bas, dan pada pagi esok dengan persatuan lori meninjau soal loading. Mereka telah memberi pendapat-pendapat dan mengemukakan syor-syor untuk ditimbang oleh industry insuran. Saya tidak hendak menjelaskan apa-apa butirnya tetapi memadamkan saya mengatakan Kerajaan menaikkan premium ini bukanlah kerana dipanggil kita berunding, kemudian didesak dan kenaikan diberi begitu sahaja. Tidak. Kerajaan telah menimbangkan sedalam-dalamnya dan dengan sepenuh perhatian diberi kepada pengguna. Kita telah katakan dalam menaikkan premium soal loading dan excess ini kita akan bincangkan supaya loading yang 500% ini misalnya, tidak masih bermaharajalela. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat faham benar-benar supaya dapat menyampaikan kepada orang ramai kerana kalau tanpa fahaman ini, mereka akan menyalah anggap tentang kenaikan-kenaikan itu. Salah fahaman ini ada di kalangan persatuan teksi sendiri, apatah lagi orang umum. Sebab itu mereka hendak menaikkan tambang teksi dan tambang bas. Dan saya sangatlah bersukacita dalam mesyuarat saya dengan persatuan-persatuan teksi dan persatuan bas, mereka telah menerima soalan nak premium ini yang dikenakan. Mereka faham apa benda yang hendak dinaikkan, bukannya loading. Dan mereka telah mengesyorkan cara-cara menentukan masaalah-masaalah itu.

Satu lagi perkara yang saya ingin terangkan yang mana telah menjadi keraguan terutama di luar bandar ialah tentang tarif untuk "hire-car". Translation ataupun lapuran yang telah dibuat dalam akhbar-akhbar Melayu di mana saya telah diberitahu ialah bahawa kita telah membenarkan "kereta sewa" dinaikkan premium comprehensive 30%, Third Party 300%. Ini sudah menjadi satu kegelisahan yang amat sangat di kalangan orang-orang di luar bandar kita kerana mereka fahamkan bila dikatakan "kereta sewa" mereka fikirkan kereta sewa seperti teksi luar bandar. Tidak benar. Teksi luar bandar, teksi bandar adalah dikelaskan di bawah teksi awam (public taxi) dan bagi semua teksi-teksi tidak kira di mana dia berada premium comprehensive naik 55%, Third Party 100%.

Yang dimaksudkan dengan kereta sewa yang dipandu sendiri oleh penyewa ialah kereta-kereta sewa yang dikeluarkan atau disewakan oleh syarikat-syarikat besar seperti Avis Rent a Car dan berbagai-bagai lagi yang mana orang-orang individu menyewa untuk sehari, untuk dua jam, untuk satu jam, iaitu mereka pergi kepada syarikat-syarikat itu untuk sewa motokar dan bawa sendiri. Mereka dikenakan 300%. Oleh kerana salah fahaman ini saya telah dituduh tidak menimbangkan orang-orang luar bandar, Kementerian ataupun Kerajaan dikatakan tidak menimbangkan orang luar bandar kerana premium insuran bagi kereta-kereta sewa di luar bandar pun hendak dinaikkan 300%. Ini tidak benar. Ini saya minta penjelasan diberi oleh akhbar-akhbar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Cadangan ini sangat baik, saya terima dan mengharapkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat ini menyampaikan kepada orang awam. Apa langkah lain? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat persidangan akhbar melalui siberan am atas kedudukan yang sebenar supaya dapat diterima oleh rakyat dengan betul, tidak menyalahkan Yang Berhormat? Tuduhan tadi saya tarik balik dengan adanya kenyataan itu.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila diumumkan sahaja kenaikan ini, sudah diterangkan dalam satu sidang akhbar yang dihadiri oleh orang-orang akhbar dan orang-orang industri. Ada akhbar yang terang benar-benar, ada akhbar tidak ceritakan langsung. Ini kita tidak ada kawalan ke atas

akhtar. Jadi saya minta jasa baik siapa yang melapurkan supaya ini diberi penerangan, bukanlah kerana saya takut dituduh, kerana rasa saya ini memberi gambaran yang amat buruk kepada Kerajaan seolah-olah kita tidak pedulikan faedah pengguna-pengguna. Sebab Yang Berhormat Datuk pun sudah menyatakan begitu kesalnya saya rasa tidaklah kesal lagi sekarang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya memang tidak hendak berkelahi dengan wanita ini kerana akibatnya buruk (*Ketawa*). Tetapi yang saya kesal, Tuan Yang di-Pertua, Menteri berunding dengan penginsuran, mengapa tidak diberi tahu tujuan ini kepada pihak awam sebagaimana Menteri Kewangan dahulu hendak membuat Budget, sebelum dia buat Budget, dia panggil pihak-pihak swasta, pensyarah-pensyarah universiti dan sebagainya. Ini tujuan dia kerana bila sudah kelam-kabut, bahkan Yang Berhormat itu sendiri, apabila dipanggil esok baru hendak mesyuarat lagi. Maka dengan demikian nyatalah bahawasanya perkara ini dia keluar dahulu, baru mesyuarat kemudian.

Puan Rafidah Aziz: Tidak begitu, pada pendapat kami ada perkara yang rasa saya biarlah dipulangkan kepada budi bicara pihak Kerajaan sendiri menentukan. Sebenarnya bagi satu-satu perkara tertentu rasa saya biarlah budi bicara pihak Kementerian menentukan, ada kalanya pula perkara-perkara lain memang kita jangka mesti dijemput orang awam dan malangnya saya sendiri telah menjemput pihak FOMCA yang mewakili pengguna—tidak datang pun, sudah dua kali mesyuarat seorang pun tidak nampak wajah, yang sebok beritanya dalam suratkhbar kerana tidak dipanggil. Ini menunjukkan bila diberi peluang dalam masa yang tertentu, boleh memberi pandangan, tidak datang pun. Oleh itu saya berharap dengan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat ini dapatlah kita rumuskan bersama pembaikan-pembaikan dalam insuran industri.

Saya fikir itulah sebabnya saya terpaksa memberi penerangan kerana nampaknya keraguan masih lagi timbul dan akibat penerangan saya telah ada pun Ahli Yang Berhormat menarik balik tuduhan ke atas Kerajaan. Ini sangatlah besar maknanya kepada Kerajaan dan juga kepada kami di pihak Kementerian. Saya berharap

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Untuk penjelasan. Saya pun ada bercakap berkenaan dengan perkara ini tadi dan ini pun bukan pertengkaran—tidak, tetapi Kerajaan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ini sebelah pihak sahaja, sebelah tangan sahaja dipanggil. Ini yang mendukacitakan rakyat, sebab rakyat yang banyak menggunakan kereta bukan Kerajaan. Apabila premium insuran kereta dinaikkan dengan tidak ditetapkan dibenarkan begitu sahaja untuk insuran ajen, jadi rakyat memikirkan Kerajaan ini menyebelahi pihak insuran. Kalau sebab-sebab lain yang mengatakan undang-undang ini mempertahankan rakyat, tidak menjadi hal; tetapi ini menaikkan pembayaran. Di atas kenaikan excess clause inilah yang rakyat sangat berdukacita.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bila dinaikkan kadar premium soal excess clause dan loading ditimbang bersama. Apabila kita membincangkan soal loading dan excess clause telah dipanggil wakil-wakil daripada rakyat.

Sebenarnya, Kerajaan rasa saya adalah pihak yang akan sentiasa menjamin kepentingan rakyat. Kalau tidak Kerajaan dan pegawai-pegawainya yang mewakili rakyat duduk dalam jabatan-jabatan mewakili kepentingan rakyat, rasa saya siapa lagi? Rasa saya ada perkaranya, mungkin saya salah, yang elok terpulang kepada budi bicara pihak Kerajaan menentukan. Kerana macam saya katakan tadi bukan kita beri kenaikan dan kemudian lepas tangan begitu sahaja, tanpa mengawal perkara-perkara yang lain. Seperti saya katakan tadi lebih baik dinaikkan yang \$171 basic premium itu dua kali ganda dan kita tahan loading yang sampai 500% ini daripada dibiarkan keadaan begitu sahaja kerana teksi ini membayar \$1,026 padahal kadar yang dibenarkan \$171. Inilah pendapat kami, iaitu naikkan kadar asas (basic premium) dan dikawal loading pada masa sekarang tidak sama rata dalam industri dan mengikut kehendak dan kemahuan syarikat-syarikat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bercakap panjang sedikit, tetapi terpaksa membuat penerangan ini supaya tidaklah bangkit tuduhan-tuduhan yang timbul hanya akibat

salah tafsir dan salah faham tentang kenaikan kadar insuran yang telah dibuat baru-baru ini. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan saya berharap pada masa akan datang Jabatan ini akan diperkuat lagi dengan pegawai-pegawai tertentu supaya implementasi Akta-akta ini akan dapat dijalankan dengan sempurna.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ODIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.57 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Odit, 1957 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta Odit, 1957 supaya selaras dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada Perlembagaan Malaysia iaitu Perkara 97(3) mengenai penubuhan Tabung Zakat Fitrah dan Baitul-Mal dalam Wilayah Persekutuan yang menghendaki Juru Odit Negara mengodit kira-kiranya, dan juga Perkara 106(2) mengenai odit kira-kira mana-mana badan berkanun dan lain-lain badan yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Peluang diambil juga untuk memasukkan peruntukan baru dalam Akta Odit yang bertujuan untuk memperbaiki mutu oditan supaya selaras dengan polisi Kerajaan hendak meninggikan darjah pengurusan kewangan supaya penggunaan wang dapat ditentukan dengan tegas mengikut maksudnya dan juga untuk memperbaiki kecekapan dan rasa tanggungjawab di atas pengurusan kewangan. Akta Odit telah diluluskan 20 tahun dahulu pada masa perbelanjaan Kerajaan Persekutuan berjumlah lebihkurang \$850 juta dalam tahun 1958 berbanding dengan anggaran tahun 1978 yang berjumlah lebih \$12,700 juta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan ini lebih maklum, semenjak tahun 1971 dengan munculnya Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah menambahkan usaha-usaha untuk mempercepatkan kemajuan pembangunan keseluruhannya terutama sekali melaksanakan rancangan-rancangan untuk mencapai tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru. Sebilangan besar badan-badan berkanun telah ditubuhkan untuk melaksanakan beberapa rancangan dan projek, dan rancangan-rancangan ini masih berterusan dengan lebih besar lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan bertambahnya perbelanjaan sektor awam dan perkembangan aktiviti-aktiviti Kerajaan maka jentera bagi menyimpan kira-kira dan rekod-rekod kenalah diperbaiki dan disusun semula selaras dengan pertambahan hasil dan perbelanjaan dan urusan-urusan Kerajaan. Jabatan Odit sebagai badan wakil Parlimen untuk mengawasi perkiraan hasil dan perbelanjaan negara sepatutnyalah diberi kuasa dan tenaga yang perlu bagi menjalankan kewajibannya dengan tegas dan cekap. Pindaan-pindaan pada undang-undang yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memberi keperluan yang dikehendaki itu dan juga untuk mengkemaskan beberapa peruntukan yang didapati mustahak dijelaskan dalam Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menerangkan lebih lanjut tujuan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 ialah untuk menjelaskan kedudukan undang-undang odit mengenai kira-kira Pentadbiran keretapi Tanah Melayu

Fasal 4 bertujuan memberi gelaran yang lebih sesuai dalam bahasa Malaysia iaitu

Ketua Odit Negara bagi jawatan Auditor-General yang sekarang dipanggil Juru Odit Negara.

Fasal 5 ialah untuk meminda amaun gaji Ketua Odit Negara supaya selaras dengan gaji bagi jawatan yang sama grednya dalam perkhidmatan awam berikutan dengan perubahan gaji di bawah Lapuran Gaji Kabinet.

Fasal 6 ialah bagi membuat perubahan kepada peruntukan dalam Seksyen 5 Akta Odit dengan cara menyusun semula Seksyen Kecil (1), (2), (3) dan (5) sebagai perenggan (a), (b), (c), (e) dan (f) masing-masingnya, dan juga mengadakan peruntukan baru dalam perenggan (d) supaya selaras dengan kehendak Perkara 106 (2) Perlembagaan Malaysia yang membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menetapkan mana-mana badan berkanun dan lain-lain badan yang kira-kiranya kena diodit oleh Ketua Odit Negara.

Fasal 7 ialah untuk meluaskan bidang tugas odit supaya Ketua Odit Negara mempunyai kuasa tertentu untuk menentukan penyimpanan akaun dan rekod yang betul yang akan membantu untuk mencepatkan penyediaan penyata-penyata kewangan dan penyediaan Lapuran Odit di atasnya, dan juga di mana yang boleh baginya untuk membuat penilaian pelaksanaan dari segi ekonomi dan kecekapan pelaksanaan. Ini adalah selaras dengan penggunaan Sistem Peranggaran (Performance Budgeting System) yang dipakai dalam Jabatan-jabatan Kerajaan.

Fasal 8 ialah untuk meminda Seksyen 7 supaya membolehkan Ketua Odit Negara menggunakan juruodit luar untuk menjalankan kerja odit di atas arahannya. Ini ialah bertujuan untuk membantu kekurangan tenaga Jabatan Odit bagi menjalankan kerja-kerja odit sementara didapati kakitangan yang cukup bagi jabatannya.

Fasal 9 ialah meminda Seksyen 9 (7) supaya membolehkan Ketua Odit Negara melaporkan di atas sesuatu perkara yang mustahak yang difikirkan patut mendapat perhatian segera dari Menteri atau Menteri Besar yang bertanggungjawab di atas perjalanan sesuatu badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan pindaan-pindaan ini Ketua Odit Negara akan dapat menjalankan kewajibannya

dengan lebih sempurna dalam sistem demokrasi berparlimen tentang tanggungjawab atas hasil-mahsul dan perbelanjaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-dangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masaalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Odit, 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

7.05 mlm.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Bagi saya ia adalah satu tindakan yang bijak mengikut arahan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Jabatan Odit kita tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi dan juga latihan-modern dalam lapangan odit seperti di negeri-negeri maju. Dengan hal yang demikian, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan konsep odit pengurusan atau pelaksanaan yang akan melibatkan pentaksiran dan penyeliaan pelaksanaan baik dari segi kecekapan dan ekonomi.

Kita sedar ia memerlukan wang dan masuk untuk mengambil pekerja, melatih dan menyegerakan sekumpulan kakitangan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu dalam hal odit dari sehari ke sehari apabila kakitangan terlatih khasnya diperlukan.

Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini sekarang diperuntukkan untuk mendapatkan bantuan iktisas dari luar. Dari itu saya rasa adalah lebih baik jangan di cuba membuat sesuatu di dalam lapangan odit ini sekiranya kita tidak mahir ataupun kurang yakin dengan pengetahuan yang ada.

Kemusykilan yang besar, Tuan Yang di-Pertua, yang dihadapi oleh Jabatan Odit sejak akhir-akhir ini ialah kebanyakan Jabatan-jabatan lambat menghantarkan kira-kira mereka ke Jabatan Odit untuk diodit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut diambil perhatian dan disiasat.

7.08 mlm.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Bil ini dibawa ke dalam Dewan ini dan saya cukup berpuas hati kerana diberi kuasa kepada Ketua Odit Negara dengan nama yang baru mengikut Seksyen yang dipinda, iaitu boleh mengodit kira-kira badan-badan berkanun dan juga badan-badan yang berthabit diberi kuasa kepadanya. Tetapi dalam masaalah ini, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengenai perubahan tanggungajaji di bawah Fasal 5 Bil ini.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Odit Negara ialah yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Artikel 105, iaitu satu jawatan yang sama penghormatannya dengan seorang hakim, yang dia tidak boleh diberhentikan dan diperjagai kedudukan tarafnya.

Sekarang ini, gajinya ditetapkan mengikut Bil ini ialah hanya bertambah daripada angka \$3,500 kepada \$4,050. Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah budibicara Kerajaan. Tetapi saya hendak tahu budi bicara yang macam mana diletakkan \$4,050 sedangkan Juru Odit Negara ini dilantik mengikut Perlembagaan Perkara 105 dan diberi penghormatan sebagai Hakim. Jadi dengan demikian daripada segi angle mana budibicara Kerajaan meletakkan \$4,050 ini dan satu yang saya minta dengan ikhlas supaya Kerajaan tolong nyatakan sebab ini kerana ada kait-mengait perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang saya faham tinggi daripada peruntukan \$4,050 tetapi oleh sebab ianya seorang daripada yang diberi amanah oleh Kerajaan dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengawali harta-harta Kerajaan dalam negeri kita ini. Sekarang ini dengan kelulusan Bil ini beliau boleh mengawali Badan-badan Berkanun atau mana-mana badan yang difikirkan boleh meminta bantuan daripada mana-mana badan yang lain. Perkara ini saya fikir perlu dinyatakan walaupun dalam masaalah ini dengan budibicara Kerajaan tidak perlu hendak dijawab, tetapi perlulah perkara ini dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju menyatakan Jabatan Odit tidak cukup kakitangan. Saya faham Jabatan Odit mempunyai kakitangan yang cukup, tetapi oleh sebab perkembangan dalam negara kita sekarang ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 20 tahun dahulu peruntukan negara kita tidak sampai \$1,000 juta tetapi hari ini sudah berlipat ganda kenaikan daripada peruntukan asal. Jadi dengan demikian kalau sekiranya Jabatan Odit tidak boleh mengodit maka kuasa yang diberi ini adalah untuk mengawali Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun. Walau macam manapun saya hendak tahu kerana ada Jabatan-jabatan menggunakan oditnya sendiri umpamanya Jabatan Pelajaran. Dia ada oditnya sendiri yang mengodit harta sekolah-sekolah di dalam negara ini yang kadang kala sampai lima tahun tidak selesai. Guru Besar sudah tukar lima tahun dahulu, tetapi penyata tahunan Odit Negara boleh mengawal odit ini? Perkara yang semacam ini saya fikir patut mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah kuasa-kuasa ini diserahkan kepada sesuatu Kementerian yang mengawal atau Kementerian itu sendiri sebagai contoh saya katakan tadi ialah Jabatan Pelajaran. Saya mengesyorkan di Dewan ini supaya semua harta Kerajaan mesti diodit oleh Juru Odit Negara dan orang yang bersalah atau menyeleweng daripada tugas dibawa ke mahkamah supaya menerima keadilan. Oleh sebab sebagai badan yang amanah maka Juru Odit Negara ini patutlah diberi tugas yang lebih besar dan kuasa yang lebih besar sedikit dan kalau boleh supaya badan Odit ini diletakkan di bawah satu badan yang berasingan yang ianya tidak dikawali oleh sesuatu badan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana awal saya katakan tadi, saya bersetuju sangat dan saya menyokong bil ini untuk diluluskan.

7.16 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana kalau tidak ada Auditor General, saya fikir Kerajaan negeri ini terbalik langsung, oleh kerana baru-baru ini saya dapat tahu banyak Badan-badan Berkanun sampai 3-4 tahun yang mana bermillion-million wang Kerajaan tidak diodit. Satu daripadanya adalah

UDA yang saya tahu. Jikalau sekiranya tidak cukup kakitangan (auditors) diminta supaya Auditor General boleh mengambil auditors daripada luar yang ada certificate yang baik untuk memeriksa segala Badan-badan Berkanun ini. Jadi, oleh kerana tidak diodit bertahun-tahun maka dalam tempoh 3-4 tahun beberapa macam penyelewengan telah berlaku. Saya minta pada masa yang akan datang dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini maka penyelewengan ini tidak berlaku lagi.

Saya tidaklah hendak memanjangkan perbincangan berkenaan dengan pindaan ini, saya cuma menyokong Rang Undang-undang ini dengan ikhlasnya dan odit ini mesti dijalankan dengan baik. Sekiranya pihak awam atau firm juga tidak menghantar kira-kiranya untuk diodit perkara itu akan didakwa di court dan sebagainya. Jikalau Badan Berkanun tidak menjalankan tugas-tugasnya maka Kerajaan patut bertindak kepada Badan Berkanun itu sungguhpun badan berkanun ini modalnya 70% atau 100% dipunyai oleh Kerajaan.

7.18 mlm.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan ini lebih maklum Auditor Kerajaan ialah wakil Parlimen bagi menentukan bahawa rancangan-rancangan yang diluluskan oleh Parlimen dijalankan dengan betul dan kira-kira awam menunjukkan kedudukan sebenarnya. Oleh yang demikian, saya dengan sepenuhnya menyokong Bil ini supaya Jabatan Odit memainkan satu peranan yang lebih positif. Walau bagaimanapun, saya ada beberapa keraguan samada Jabatan itu dapat memainkan peranan itu jika constraints yang dihadapi oleh Jabatan itu tidak diselesaikan.

Saya perhatikan walaupun gaji Juru Odit Negara dipinda dari \$3,500 kepada \$4,050 di perenggan 5 Bil tersebut, pindaan ini hanya bagi menyelaraskan gaji mengikut Lapuran Suruhanjaya Gaji Kabinet.

Saya perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa taraf atau gred Juru Odit Negara tidak diubah dari tahun 1957 walaupun kedudukan kewangan dan tanggungjawab Juru Odit Negara telah berlipat ganda dengan perbelanjaan dan hasil Kerajaan dalam tempoh 20 tahun yang lalu.

(Dengan izin) According to the Federation of Malaysia Staff List as at 1-1-1955, only the Chief Secretary to the Government, that is Ketua Setiausaha Negara and the Secretary to the Treasury were above the Superscale A—that is the Staff appointment. At that time that is in 1958, there were only two Superscale A appointments in the Government Service, whereas, according to the Anggaran Belanjawan Mengurus (Senarai Perjawatan) 1978 there are now seven Staff appointments—K.S.N., T.K.S.N., K.S.U. Perbendaharaan, T.K.S.U., Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, K.S.U. Kementerian and the like and then there are 8 Superscale A posts.

More than 20 years have gone by; the Auditor-General's post before Merdeka was a Superscale A post and till now it has not been upgraded. In view of the increase of work and the high responsibility that has been placed on the Auditor-General today, I would suggest that the post of the Auditor-General be upgraded to a much more respectable position like the Chief Secretary or the Deputy Chief Secretary. I hope the Minister will take account of this, and with this I thank you.

7.21 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya juga telah mendengar hujjah-hujjahnya atas tujuan Rang Undang-undang ini dikemukakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak memberikan satu pandangan bahawa sesuai dengan keadaan negara kita sekarang sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri kita sedang melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan mengadakan berbagai-bagai rancangan daripada lima tahun ke lima tahun, selain daripada itu kita meminjam wang daripada luar negeri termasuklah berbagai-bagai bank antarabangsa, bank dunia. Dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat mencerminkan kepada dunia luar bahawa darjah kecekapan kewangan dalam negeri kita ini dapat dikawal melalui Juruodit yang kita adakan di dalam negeri ini. Saya yakin dan percaya sekiranya kewangan negara kita ini keadaan kucar-kacir dalam pentadbirannya saya fikir satu perkara yang boleh menjejaskan atau menjadi satu penghalangan kepada dunia luar atau bank-bank dunia

memberikan pinjaman kepada Kerajaan kita pada hendak melaksanakan projek-projek yang kita harapkan.

Satu perkara lagi tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan di antara tujuan Rang Undang-undang ini kita akan mengodit Tabung Zakat Fitrah dalam Wilayah Persekutuan. Ini satu perkara yang saya sanjung tinggi atas kuatkuasa Rang Undang-undang ini sebab di masa-masa yang lampau bahawa selalu berlaku penyelewengan atau salahguna wang dalam Jabatan Fitrah ini. Dengan keadaan ini saya harap kalau boleh Kerajaan Pusat dapat meluaskan dan dapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bahawa Tabung Zakat Fitrah dalam pejabat-pajabat agama di tiap-tiap negeri itu dapat diodit oleh Juru Odit Negara kita. Ini pernah berlaku termasuklah dalam negeri saya, Negeri Johor. Tabung Zakat Fitrah ini tidak diodit oleh Juru Odit Kerajaan, beberapa lama kira-kira ini telah terbengkalai dan beberapa perkara salahguna telah dapat diikuti dengan tabung ini. Dengan keadaan ini kalau dapat Kementerian ini meluaskan perkhidmatannya ini melalui Kerajaan Negeri, melalui kebenaran Jabatan Ugama Negeri itu saya fikir alangkah moleknnya kalau kita boleh buat kepada Wilayah Persekutuan kenapa kita tidak boleh buat dalam negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan bahawa di antara Penyata Kira-kira Jabatan Keretapi Tanah Melayu juga kita ada berhak berkuatkuasakan mengodit perjalanan kewangan agensi ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah meliputi juga kepada syarikat penerbangan kita, yakni MAS. Ini juga saya fikir patut pihak Juru Odit Negara sama campurtangan bagi mengodit perjalanan kewangan Syarikat MAS kita ini dan kalau kaadaan ini kita biarkan dengan keadaan juru odit yang terasing, saya khawatir bahawa beberapa kepincangan mungkin akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa di antara tugas yang akan diselenggarakan oleh

Jabatan Juru Odit Negara ini termasuk mengodit badan-badan berkanun dalam negeri ini dan ini telah banyak dicakapkan oleh rakan-rakan sejawat saya tadi. Keadaan ini kalau kita menghendakkan badan-badan berkanun ini berjalan dengan sihat, melaksanakan dasarnya mengikut sebagaimana yang kita jadualkan, maka pengemasan dalam masaalah neraca kewangan dalam badan-badan ini juga sudah sampai masanya supaya dapat diperhati dan ditengok oleh Juru Odit Negara kita. Saya sama juga sependapat dengan Yang Barhormat rakan sejawat saya kalau ada badan-badan berkanun ini dapat dalam neraca kewangannya itu tidak memusingkan hati Juru Odit Negara dan tidak memberikan laporan-laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh Juru Odit Negara, bukan sahaja dengan kita membuat teguran kepada penyata itu, satu tindakan mahkamah dan dengan kerjasama Ketua-ketua Kerajaan Negeri itu dan Menteri Besar Negeri itu patut kita ambil tindakan kepada mereka yang bersalah dalam masaalah menggunakan wang dalam badan-badan berkanun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat inilah sahaja, kita patut memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab pada petang ini.

7.29 *mlm.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mulanya saya tidak bercadang hendak bercakap, tetapi bila saya tengok laporan Juru Odit Negara berkenaan dengan negeri Kelantan yang terbentang dihadapan kita ini, saya ingin juga mengambil sedikit bahagian. Seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Datuk Haji Abdul Razak tadi tugas. . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 19hb Januari, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.